

Laporan Hak Asasi Manusia 2011: Malaysia

Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Buruh

Laporan Amalan Hak Asasi Manusia Negara Malaysia 2011

Malaysia

Ringkasan Eksekutif

Malaysia adalah negara beraja berperlembagaan. Ia memiliki sistem parlimen kerajaan yang diketuai oleh seorang Perdana Menteri yang dipilih melalui pilihan raya berbilang parti yang diadakan secara berkala. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bersama dengan perikatan parti politik yang dikenali sebagai Barisan Nasional (BN) telah memerintah sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Pilihan raya umum terbaru pada tahun 2008 telah berjalan secara umumnya dengan telus dan menyaksikan peningkatan ketara parti pembangkang. Pada tahun 2009 Najib Tun Razak telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri. Pasukan keselamatan melaporkan diri kepada pihak berkuasa awam.

Masalah hak asasi manusia yang paling ketara adalah sekatan ke atas kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan; sekatan ke atas hak-hak pendatang, termasuk pekerja asing dan pelarian; dan pengekalan undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa perbicaraan.

Masalah hak asasi manusia yang lain termasuk beberapa kematian semasa penangkapan polis dan semasa dalam tahanan polis; hukuman rotan sebagai satu bentuk hukuman yang dikenakan oleh mahkamah jenayah dan syariah; sekatan ke atas kebebasan akhbar dan agama; halangan yang menghalang parti pembangkang daripada bersaing secara adil dengan parti pemerintah; dan keganasan dan diskriminasi terhadap wanita. Dasar kerajaan yang sudah lama diamalkan memberi keutamaan kepada etnik Melayu dalam banyak segi. Tiada sekatan ke atas aktiviti kesatuan dan perundingan bersama pekerja majikan, dan pelbagai amalan terus mewujudkan kelemahan pada buruh kanak-kanak dan buruh paksa, terutama bagi pekerja asing. Kerajaan meneruskan pendakwaan terhadap pemimpin parlimen pembangkang atas tuduhan liwat.

Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mendakwa pegawai yang terlibat dalam rasuah dan pencabulan hak asasi manusia, walaupun terdapat sedikit unsur dibebaskan daripada hukuman.

Seksyen 1. Penghormatan terhadap Integriti Seseorang, Termasuk Kebebasan Daripada:

a. Pengambilan Nyawa Sewenang-wenang atau yang Menyalahi Undang-undang

Terdapat laporan bahawa kerajaan atau ejennya melakukan pembunuhan sewenang-wenangnya atau yang menyalahi undang-undang. Sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) menegaskan bahawa 20 individu telah terbunuh kerana tembakan polis antara bulan Februari hingga November. Ini menunjukkan trend menurun dari tahun-tahun sebelumnya; media tempatan melaporkan bahawa polis telah membunuh 35 dan 108 orang semasa menahan mereka masing-masing pada tahun 2010 dan 2009. Media cetak yang dipengaruhi kerajaan menggunakan penceritaan yang konsisten untuk menggambarkan pertembungan ini: suspek ditahan oleh polis, kemudian cuba menyerang polis; polis membunuh suspek atas alasan mempertahankan diri, dan bukti kegiatan jenayah ditemui pada tubuh suspek. Kumpulan hak asasi manusia tempatan mengatakan alasan ini digunakan untuk mewajarkan kematian dalam tahanan polis yang biasanya berlaku dalam kalangan kaum minoriti.

Pada 29 April, polis menembak dan membunuh tiga orang, dipercayai rakyat asing, di kawasan ladang kelapa sawit di Maran Jengka. Menurut keterangan polis, mereka mengesan dan mengejar kereta yang dicuri. Kereta itu terbabas dan melanggar pokok. Suspek tidak mahu menyerah diri apabila diperintahkan oleh polis tetapi berlari ke arah anggota polis dengan memegang parang, dan polis menembak mereka.

Pada 6 April, Pegawai Kastam Selangor Ahmad Sarbaini Mohamed telah ditemui mati di gelanggang badminton di aras satu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sarbaini telah dipanggil oleh SPRM berhubung dengan siasatan kes rasuah yang melibatkan pegawai kastam. Pada 26 September, Mahkamah Koroner memutuskan bahawa kematiannya adalah tidak disengajakan dan disebabkan "nahas." Koroner beranggapan Sarbaini yang bimbang akan ditangkap, cuba untuk keluar melalui tingkap tapi hilang keseimbangan di atas belebas tingkap lalu jatuh yang mengakibatkan kematian.

Pada 15 September, pegawai polis Jenain Subi didapati bersalah menyebabkan kematian tanpa niat membunuh dan dijatuhi hukuman lima tahun penjara kerana kejadian menembak yang menyebabkan remaja Melayu berusia 14 tahun bernama Aminulrasyid Amzah meninggal dunia pada April 2010. Polis mendakwa selepas adengan kejar mengejar kereta yang dipandu laju, Aminulrasyid mengundurkan keretanya dan cuba melanggar pegawai polis apabila mereka mengeluarkan senjata mereka dan menembak.

Pada 9 Jun, seorang peguam bagi keluarga tiga orang remaja yang ditembak mati oleh polis pada November 2010 membentangkan laporan pemeriksaan bedah siasat ke atas dua daripada tiga remaja tersebut. Laporan itu menunjukkan bahawa mereka ditembak pada jarak dekat dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka telah ditembak di dahi pada sudut 45 darjah dan ini menunjukkan dia melutut apabila dia ditembak.

Pada 28 Januari, Mahkamah Sesyen Petaling Jaya Selangor membebaskan konstabel Navindran Vivekanan daripada pertuduhan menyebabkan cedera parah dalam kes kematian Kugan Ananthan, seorang berbangsa India dalam tahanan polis pada bulan Januari 2009, berasaskan yang pendakwaan gagal untuk mewujudkan kes prima facie terhadap tertuduh.

Pada 21 Julai, Suruhanjaya Siasatan Diraja (SSD), yang ditubuhkan untuk menyiasat kes kematian Teoh Beng Hock yang jatuh di dalam bangunan SPRM pada tahun 2009, mengeluarkan kesimpulannya bahawa Teoh terdorong untuk membunuh diri selepas disoal siasat dengan agresif oleh tiga pegawai SPRM. Gabungan lebih 100 NGO mengeluarkan kenyataan mengkritik laporan itu kerana ia tidak menyentuh kaedah soal siasat yang digunakan oleh SPRM. Pada 24 Ogos, adik lelaki Teoh Beng Hock memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk membatalkan penemuan SSD. Pada akhir tahun itu, Peguam Negara tidak mengambil tindakan terhadap pegawai SPRM yang terbabit.

b. Orang yang Hilang

Tidak ada laporan tentang kehilangan orang bermotif politik.

c. Seksaan dan Layanan atau Hukuman Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah

Tidak ada undang-undang khusus yang melarang seksaan. Namun, undang-undang melarang “melakukan kecederaan parah” yang merangkumi penyeksaan. Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, tiada laporan pemukulan dan penganiayaan oleh pertubuhan bukan profesional Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan pegawai imigresen di pusat tahanan imigresen (PTI). PTI terus dikendalikan oleh Jabatan Imigresen dan disokong oleh RELA yang menyediakan perimeter keselamatan.

Pada 21 September, pemandu lori B. Prabakar dan pengendali kren C. Solomon Raj telah memfailkan saman terhadap polis dan kerajaan dengan mendakwa mereka telah diseksa semasa disoal siasat susulan penangkapan tahun 2008. Mereka mendakwa anggota polis memukul mereka dengan hos getah, menyimbah air panas pada badan mereka, dan menendang serta memijak mereka. B. Prabakar juga berkata dia telah “digantung” pada kipas siling dengan tali dan dipaksa untuk mengaku atas pelbagai kesalahan jenayah.

Pada akhir tahun itu, kes jenayah terhadap bekas tentera udara sarjan N. Tharmedran kerana didakwa bersubahat mencuri dua enjin jet, dan laporan polis yang dibuatnya yang mengatakan bahawa pada tahun 2010 dia telah diseksa untuk mengaku pada jenayah itu semasa dalam tahanan tentera, masih tertunggak.

Undang-undang jenayah menetapkan rotan sebagai hukuman tambahan selain penjara untuk mereka yang disabitkan dengan beberapa jenayah bukan keganasan, seperti pemilikan dadah, jenayah pecah amanah, dan penyeludupan warga asing. Undang-undang menetapkan sehingga enam kali sebatan masing-masing bagi pendatang haram dan majikan mereka. Lebih daripada 60 kesalahan adalah tertakluk pada hukuman sebat. Hakim secara rutin memasukkan rotan dalam hukuman bagi mereka yang disabitkan untuk jenayah seperti culik, rogol, dan rompakan. Hukuman rotan dilaksanakan dengan kayu rotan setengah inci tebal yang boleh menyebabkan bekas dan parut. Undang-undang mengecualikan orang tua lebih 50 tahun dan semua wanita daripada hukuman rotan. Kanak-kanak lelaki berusia antara 10 hingga 18 tahun boleh dirotan 10 kali dengan “rotan yang ringan.” Statistik mengenai hukuman rotan diterbitkan hanya sekali-sekala, tetapi dalam satu kenyataan pada bulan Mac di Parlimen kerajaan mendedahkan bahawa antara tahun 2005 hingga 2010, ia telah merotan 29,759 warga asing atas pelbagai kesalahan imigresen. Dalam penerbitan tahun 2010, *A Blow to Humanity* –

Torture by Caning in Malaysia, Amnesty International menganggarkan bahawa kerajaan telah merotan seramai 10,000 banduan setahun.

Beberapa undang-undang syariah negeri – iaitu undang-undang Islam yang wujud berkenaan hal ehwal keluarga dan jenayah tertentu tetapi hanya dikenakan kepada orang Islam - juga menetapkan hukuman rotan. Walaupun undang-undang persekutuan mengecualikan semua wanita daripada hukuman rotan, tidak ada pengecualian untuk wanita di bawah undang-undang syariah dan mahkamah belum menyelesaikan masalah yang melibatkan konflik antara perlembagaan, kanun keseksaan, dan undang-undang syariah. Dalam hukuman rotan syariah, rotan yang lebih kecil digunakan, dan pegawai yang merotan tidak boleh mengangkat rotan melebihi bahunya untuk mengurangkan kesan pukulan. Selain itu, subjek yang dirotan ditutupi sepenuhnya dengan jubah agar rotan tidak akan menyentuh mana-mana bahagian kulitnya. Pegawai agama Islam mendakwa hukuman ini bertujuan bukan untuk melukai tapi agar pelaku dosa merasa malu dan bertaubat dan tidak mengulangi perbuatan itu.

Keadaan di Penjara dan Pusat Tahanan

Kesesakan di penjara, terutama di pusat kemudahan yang berhampiran dengan bandar besar, masih merupakan satu masalah yang serius. Pada pertengahan tahun 2010, pentadbiran penjara negara melaporkan bahawa sebanyak 31 penjara di dalam negara ini dihuni 38,387 banduan di tempat yang direka untuk memuatkan 32,600. Menurut Pusat Kajian Penjara Antarabangsa, pada pertengahan tahun 2010, populasi penjara terdiri daripada 6.6 peratus wanita dan 2.2 peratus juvana. Umumnya, lelaki diletakkan berasingan daripada wanita, juvana berasingan daripada orang dewasa, dan tahanan praperbicaraan berasingan daripada banduan yang telah disabitkan. Keadaan bagi wanita di dalam penjara tidak banyak berbeza daripada lelaki. Individu yang ditahan atas sebab-sebab keselamatan negara tidak menghadapi keadaan yang banyak berbeza daripada populasi umum penjara.

Pertubuhan NGO tempatan dan antarabangsa menganggarkan sebahagian besar daripada 16 PTI di negara ini berada pada atau melebihi kapasiti muatan, dengan sesetengah tahanan ditahan selama satu tahun atau lebih. Pertubuhan NGO dan antarabangsa yang terlibat dengan pekerja migran dan pelarian membuat dakwaan yang berwibawa tentang kesesakan penjara, makanan yang tidak mencukupi, kekurangan akses bagi air bersih, penjagaan kesihatan yang teruk, sanitasi yang teruk, dan kekurangan tempat tidur in di PTI. Sebuah NGO yang mempunyai akses ke PTI mendakwa keadaan-keadaan ini dan kekurangan pemeriksaan serta rawatan perubatan memudahkan penyebaran penyakit. Kerajaan membenarkan NGO tempatan untuk melawat PTI dari semasa ke semasa. Pada tahun itu, NGO tempatan dengan klinik perubatan bergerak dapat melawat pusat tahanan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan di Lenggeng, Negeri Sembilan, sekali setiap dua minggu. Sebuah NGO terkemuka yang melawat PTI sepanjang tahun itu menegaskan bahawa walaupun terdapat beberapa peningkatan dalam kemudahan fizikal, ia tidak melihat apa-apa peningkatan dalam layanan terhadap tahanan. NGO juga memerhatikan yang agak ramai orang berada di dalam PTI pada masa-masa tertentu, seperti sejurus selepas serbuan. Sebuah NGO antarabangsa yang memperjuangkan nasib pelarian melaporkan kawasan tahanan yang kotor dan penuh sesak tanpa penghawa dingin, pakaian dan makanan yang tidak mencukupi, dan kekurangan akses penjagaan perubatan telah menyumbang pada kematian berterusan di PTI.

Pada bulan Ogos 2010, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri mengakui secara terbuka bahawa langkah keselamatan dan keadaan kehidupan di semua PTI adalah sangat tidak memuaskan dan tidak ada yang memenuhi standard antarabangsa. Beliau menambahkan bahawa satu jawatankuasa yang terdiri daripada lima agensi telah ditubuhkan untuk menangani masalah di PTI dan menambah baik prosedur operasi standard PTI. Walaupun Kementerian Dalam Negeri kadangkala meminta pihak ketiga seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) untuk menjalankan pemeriksaan mengenai keadaan di PTI, tidak ada laporan mengenai apa-apa aktiviti jawatankuasa lima agensi itu.

Pada 11 Ogos, bekas tahanan praperbicaraan, Ahmad Syaugay Abdul Ghani, mengemukakan laporan kepada SUHAKAM yang mendakwa pencabulan hak asasi manusia semasa di dalam tahanan selama dua minggu di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan. Ahmad mendakwa antara 23 Jun hingga 5 Julai, dia dan 113 tahanan lain dipaksa berbogel secara berperingkat, dengan 10 hingga 20 tahanan dipaksa untuk menanggalkan pakaian pada satu-satu masa, di hadapan banduan lain. Ahmad mendakwa tahanan diperintahkan untuk membuang air besar di hadapan banduan yang lain sambil mereka disebat di kaki mereka sebagai hukuman "melakukan kesalahan." Ahmad telah ditangkap pada 20 Jun di bawah kanun keseksaan kerana menghalang tugas penjawat awam dan berkelakuan tidak sopan di balai polis. Perbicaraannya belum selesai.

Kematian banduan semasa di dalam penjara atau tahanan pernah berlaku. Berdasarkan statistik yang didedahkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada bulan Mac, seramai 156 orang telah meninggal dunia dalam tahanan polis antara tahun 2000 hingga Februari 2011. Sebuah NGO tempatan melaporkan sembilan kematian dalam tahanan pada tahun itu, satu peningkatan daripada empat kematian pada tahun 2010. Menteri Dalam Negeri Hishammuddin Tun Hussein, dalam jawapan bertulis kepada seorang Ahli Parlimen, menyatakan bahawa sebanyak 10 kematian dalam tahanan polis telah direkodkan dalam separuh pertama tahun itu tetapi menegaskan bahawa kebanyakan kematian disebabkan oleh penyakit.

Pada 7 Januari, M. Krishnan, 37, ditemui mati di lokap polis Bukit Jalil. Polis berkata kematian itu disebabkan oleh ulser. Isterinya mendakwa dia telah diseksa hingga mati dan mempunyai lebam-lebam di belakang dan mata kanannya, dan luka pada bahagian kanan abdomen. Isteri mendiang membuat laporan di ibu pejabat polis daerah Sentul, dengan meminta supaya bedah siasat kedua dijalankan. Pihak polis akhirnya bersetuju, dan bedah siasat mengesahkan dakwaan polis bahawa kematian adalah disebabkan oleh ulser.

Pada 27 September, Mahkamah Tinggi mengarahkan kerajaan dan pengarah penjara Penor untuk membayar RM590,900 sebagai ganti rugi kepada keluarga remaja berumur 18 tahun yang mati di dalam penjara enam tahun lalu akibat diserang 10 orang pekerja penjara.

Pada 5 April, 109 orang pendatang tanpa izin yang tidak puas hati dengan keadaan tempat tinggal yang sempit, makanan, dan tempoh penahanan yang panjang, melarikan diri dari kem tahanan di Negeri Sembilan selepas mereka membakar sebuah blok asrama. Polis berjaya menangkap semula 39 orang daripada mereka.

Banduan dan tahanan dibenarkan menerima pelawat pada waktu melawat yang ditetapkan. Mereka juga dibenarkan mengamalkan amalan Islam dengan syarat amalan itu bukan salah satu daripada kumpulan yang dianggap "sesat" oleh kerajaan. Akta Penjara tidak mempunyai proses bagi tahanan untuk mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa kehakiman. Ia membolehkan hakim untuk melawat penjara untuk memeriksa keadaan di penjara dan bertanyakan banduan dan pegawai penjara tentang keadaan penjara. Menurut pertubuhan NGO tempatan, disebabkan pihak berkuasa penjara dilaporkan memantau semua bahan masuk dan keluar, aduan biasanya tidak akan dihantar melalui pihak berkuasa penjara. Komunikasi di antara peguam dan anak guam secara amnya dianggap sebagai sulit dan persendirian di bawah keistimewaan peguam-pelanggan.

Pihak berkuasa biasanya tidak membenarkan NGO dan media untuk memantau keadaan penjara. Kerajaan membenarkan lawatan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan pegawai SUHAKAM berdasarkan kes demi kes. Penjara menyediakan air yang selamat diminum. Walaupun tidak ada ombudsman penjara, SUHAKAM berfungsi sebagai ombudsman de facto kerajaan yang menyiasat pencabulan hak asasi manusia, termasuk kes-kes yang didakwa berlaku di dalam penjara. Pihak penjara dan pegawai yang lain tidak mengambil apa-apa langkah yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan penyimpanan rekod, melaksanakan alternatif hukuman bagi pesalah bukan ganas, atau membuat peningkatan yang ketara kepada keadaan penjara atau pentadbiran pada tahun itu.

Suruhanjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) mempunyai akses kepada pelarian dan pemohon suaka berdaftar yang ditahan di dalam PTI dan penjara. Daripada segi sejarah, pegawai penjara dan PTI menafikan UNHCR akses kepada pemohon suaka dalam tahanan yang tidak berdaftar. Bagaimanapun, sejak tahun 2009, PTI membenarkan UNHCR melawat untuk menemu bual beberapa bakal pelarian yang tidak berdaftar. Melalui temu bual ini, UNHCR berjaya mendapatkan pembebasan 1,351 orang pelarian dari PTI dari Januari hingga Ogos.

d. Penangkapan atau Penahanan Sewenang-wenangnya

Perlembagaan menetapkan bahawa tiada sesiapa yang boleh dipenjarakan kecuali mengikut undang-undang. Namun, undang-undang membolehkan penahanan siasatan untuk mencegah suspek jenayah daripada melarikan diri atau memusnahkan bukti ketika polis melakukan siasatan. Empat undang-undang, terutamanya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), juga membenarkan penahanan pencegahan untuk memenjarakan individu yang disyaki terlibat dalam aktiviti jenayah atau untuk menghalang seseorang daripada melakukan jenayah pada masa depan. Undang-undang seperti ini menyekat dan ada kalanya menghalang kemudahan mendapatkan khidmat guaman yang cepat serta perbicaraan awam yang adil. Pada bulan September, Perdana Menteri Datuk Seri Najib mengumumkan bahawa ISA dan ordinan darurat yang berkaitan akan dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang baharu yang akan mengambil kira hak dan kebebasan dalam perlembagaan. Perdebatan hangat awam mengenai perkara tentang penangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya berlaku sepanjang tahun itu. Pada 24 November, Parlimen telah meluluskan usul untuk membatalkan tiga pengisytiharan darurat yang berusia 40 tahun; Perdana Menteri Datuk Seri Najib telah berkata bahawa situasi darurat

yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam tidak lagi wujud. Perlembagaan memperuntukkan bahawa semua undang-undang yang diluluskan menurut pengisytiharan darurat akan lupus dalam enam bulan selepas pengisytiharan darurat ditarik balik. Ordinan Darurat terutamanya, merupakan salah satu daripada beberapa undang-undang yang membenarkan penahanan tak terhad tanpa perbicaraan.

Peranan Polis dan Jentera Keselamatan

Kira-kira 102,000 orang anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) berada di bawah perintah Ketua Polis Negara (KPN) yang melaporkan diri kepada Menteri Dalam Negeri. KPN bertanggungjawab atas pengurusan dan pentadbiran pasukan polis. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menguatkuasakan pelaksanaan syariah yang terpakai hanya kepada orang Islam. JAKIM kadangkala menerima bantuan daripada PDRM apabila melakukan serbuan. Pegawai penguat kuasa agama Islam pada peringkat negeri juga mempunyai kuasa untuk menyertai polis dalam serbuan ke premis persendirian dan tempat awam untuk menguatkuasakan undang-undang syariah, termasuk pelanggaran seperti berpakaian tidak senonoh, pengambilan alkohol, atau berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan yang tidak bernikah. Pihak berkuasa agama di peringkat negeri mentadbir undang-undang syariah melalui mahkamah syariah dan mempunyai bidang kuasa ke atas semua orang Islam. Undang-undang syariah dan tahap penguatkuasaannya berbeza-beza mengikut negeri, dan hukuman yang dikenakan oleh mahkamah syariah adalah terhad di bawah undang-undang.

RELA mempunyai kuasa untuk memeriksa dokumen perjalanan dan permit imigresen warga asing, membuat serbuan, menahan dan menyoal siasat suspek, dan menjalankan aktiviti keselamatan yang lain. Sejak tahun 2009, kerajaan telah mengurangkan penglibatan RELA dan pihak berkuasa dalam hal-hal imigresen. Namun, selepas kejadian bolos 20 warga Afghanistan pada bulan Ogos 2010 dari pusat tahanan imigresen berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Timbalan Menteri Dalam Negeri Lee Chee Leong mengumumkan bahawa aspek keselamatan di PTI akan dipindahkan daripada pihak imigresen ke Jabatan Penjara, dengan RELA menyediakan keselamatan perimeter. NGO dan pertubuhan yang berkaitan dengan hal ehwal pelarian melaporkan bahawa RELA terus menguatkuasakan undang-undang imigresen. Pada 25 Jun, Ketua Pengarah RELA mengumumkan bahawa RELA telah menghentikan semua operasi penguatkuasaan terhadap pekerja asing tanpa izin kecuali dijemput oleh polis atau Jabatan Imigresen.

Pada bulan Ogos keahlian RELA mencecah 2,690,000, satu peningkatan lebih daripada setengah juta sejak tahun 2010. Kerajaan mengambil langkah untuk meningkatkan peranan keseluruhan RELA khususnya membantu polis dalam kes jenayah. Pertubuhan NGO masih menyuarakan kebimbangan bahawa latihan yang tidak mencukupi untuk anggota RELA menyebabkan mereka tidak bersedia untuk melaksanakan tugas. Pada Disember 2010, Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata bahawa kerana mustahil menempatkan pegawai polis di setiap kawasan, beribu-ribu anggota RELA telah dikerahkan untuk membantu pihak polis dalam rondaan di kawasan yang mempunyai kadar jenayah tinggi. Penyalahgunaan kuasa oleh RELA yang dilaporkan termasuk memeras ugut, mencuri, merompak rumah dan merompak di penempatan pelarian. Namun, laporan tersebut berkurangan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pada 1 Mac, polis menahan ahli RELA dan tiga yang lain berkaitan dengan rompakan 27 Februari dan kes rogol. Menurut polis, anggota RELA itu telah meminjamkan sepasang gari kepada dua suspek lain yang telah digunakan untuk menyamar sebagai anggota polis. Kedua-dua suspek didakwa menculik seorang wanita dan membawanya ke sebuah hotel di mana wanita itu dirogol secara bergilir-gilir sebelum merompak wang tunai dan barang berharga wanita itu. Tiada perkembangan lanjut yang diketahui mengenai kes itu pada tahun itu.

Kerajaan tidak mengeluarkan maklumat mengenai bagaimana ia menyiasat aduan terhadap anggota RELA atau bagaimana tindakan disiplin diambil. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dan Pindaan Peraturan-Peraturan Perlu 2005 memberikan anggota RELA kekebalan undang-undang bagi tindakan-tindakan rasmi yang dilakukan dengan niat baik.

Kerajaan mempunyai beberapa mekanisme untuk menyiasat dan menghukum salah guna dan rasuah. Terdapat laporan daripada NGO dan media bahawa anggota keselamatan bertindak tanpa dihukum dalam tahun itu.

Pegawai polis tertakluk kepada perbicaraan oleh mahkamah jenayah dan sivil. Perwakilan polis melaporkan bahawa terdapat tindakan disiplin yang diambil terhadap pegawai polis pada tahun itu. Hukuman termasuk penggantungan, pemberhentian, dan penurunan pangkat.

Kerajaan terus menumpukan usaha-usaha pembaharuan polis melalui peningkatan gaji, pembaikan tempat tinggal dan keadaan hidup pegawai polis secara umum. Namun, status pembaharuan lain, termasuk penubuhan suruhanjaya bebas berkaitan aduan dan salah laku polis masih belum dibuat menjelang akhir tahun.

Pusat latihan polis terus memasukkan latihan kesedaran hak asasi manusia dalam kursus-kursusnya. SUHAKAM menjalankan latihan hak asasi manusia dan bengkel untuk polis, pegawai penjara, dan RELA beberapa kali pada tahun itu.

Pada 22 September, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengarahkan Nadzri Ahmad dan ketua polis negara untuk membayar RM900,000 sebagai ganti rugi kepada Johari Kasman. Pada tahun 2004, Johari telah ditembak di belakang oleh polis dan menjadi lumpuh dari pinggang ke bawah. Hakim memutuskan bahawa tidak ada kewajaran untuk menembak orang yang tidak bersenjata di belakang.

Prosedur Penangkapan dan Layanan Ketika dalam Penahanan

Undang-undang membenarkan pihak polis untuk menangkap individu atas beberapa kesalahan tanpa waran dan menahan suspek selama 24 jam tanpa dakwaan. Hakim boleh memanjangkan masa penahanan awal sehingga dua minggu. Walaupun polis secara umumnya mematuhi peruntukan-peruntukan ini, NGO tempatan melaporkan bahawa amalan polis melepaskan suspek dan kemudian dengan cepat menahan semula mereka dan menahan mereka dalam tahanan siasatan diteruskan. Undang-undang memberikan individu yang ditahan hak untuk diberitahu kenapa ditahan oleh polis yang melakukan penahanan.

Ikat jamin lazimnya dibenarkan bagi mereka yang dituduh melakukan jenayah yang tidak dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau hukuman mati. Jumlah ikat jamin, dan sama ada ikat jamin dibenarkan ataupun tidak, akan ditentukan atas budi bicara hakim. Apabila ikat jamin dibenarkan, tertuduh biasanya dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada mahkamah.

Pihak polis mesti memberitahu tahanan bahawa mereka dibenarkan untuk menghubungi ahli keluarga dan mendapatkan nasihat daripada seorang peguam pilihan mereka. Polis sering menafikan tahanan mendapatkan khidmat guaman dan menyoal suspek tanpa kehadiran peguam mereka. Pihak polis mewajarkan amalan ini sebagai perlu untuk menghalang gangguan terhadap siasatan yang sedang dijalankan, dan keputusan hakim biasanya menyokong amalan tersebut. NGO terus bersuara menentang mentaliti polis yang dianggap "tangkap dulu, siasat kemudian." Dalam sesetengah keadaan, agensi penguatkuasaan undang-undang tidak segera membenarkan perhubungan dengan anggota keluarga.

Undang-undang membenarkan seseorang itu ditahan jika keterangannya sebagai saksi utama adalah penting dalam sesuatu kes jenayah dan terdapat kemungkinan dia akan melarikan diri.

Penangkapan sewenang-wenangnya: Empat undang-undang tahanan pencegahan yang membenarkan kerajaan menahan suspek tanpa semakan semula kehakiman yang normal atau pemfailan dakwaan rasmi ialah ISA, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), dan Akta Kediaman Terhad.

ISA memberikan kuasa kepada pihak polis untuk menangkap tanpa waran dan menahan selama hingga 60 hari mana-mana individu yang bertindak "dengan cara yang boleh menjejaskan keselamatan negara atau keadaan ekonomi di Malaysia." Sepanjang tempoh 60 hari pertama penahanan di pusat tahanan khas, peruntukan ISA membenarkan penafian wakil peguam dan tidak memerlukan kes dibicarakan di mahkamah. Menteri Dalam Negeri boleh membenarkan tempoh tahanan ini dilanjutkan sehingga dua tahun, dengan disambung selama dua tahun lagi tanpa had. Daripada segi amalan, kerajaan jarang membenarkan penahanan ISA melebihi tempoh dua tahun. Sesetengah tahanan yang dibebaskan sebelum tamat tempoh penahanan dikenakan "syarat sekatan." Syarat-syarat ini mengehadkan kebebasan bercakap, kebebasan berpersatuan, dan kebebasan bergerak di dalam negeri dan ke luar negara. Sebuah pertubuhan NGO yang mengikuti layanan tahanan melaporkan bahawa mereka tidak menerima sebarang aduan layanan buruk terhadap tahanan ISA.

Walaupun tiada dakwaan formal dibuat, ISA mewajibkan pihak berkuasa memaklumkan kepada tahanan tuduhan terhadapnya dan membenarkan tertuduh membuat rayuan kepada lembaga penasihat bukan perundangan supaya diadakan semakan setiap enam bulan. Namun, keputusan dan saranan lembaga penasihat tidak wajib diikuti Menteri Dalam Negeri, tidak disiarkan kepada orang ramai, dan sering kali tidak diberitahu kepada tahanan.

Pada 2 Ogos, Menteri Dalam Negeri Hishammuddin mengumumkan pembebasan 8 pegawai Jabatan Imigresen yang telah ditahan di bawah ISA sejak Oktober 2010 kerana dakwaan kaitan dengan perdagangan manusia atau aktiviti penyeludupan pendatang. Menteri itu berkata tahanan menunjukkan rasa kesal atas kesilapan yang mereka buat dan telah bertaubat.

Hampir 4,500 orang telah ditahan di bawah ISA dari tahun 2000 hingga 2010. Pada 5 Jun, polis menahan Abdul Haris Syuhadi kerana didakwa merekrut anggota untuk organisasi pengganas Jemaah Islamiyah. Antara 14 hingga 16 November, 13 orang yang dipercayai anggota Darul Islam, sebuah pertubuhan sebelum Jemaah Islamiyah, telah ditahan di bawah ISA. Sebuah NGO yang boleh dipercayai melaporkan 26 tangkapan dan 20 pembebasan telah dibuat di bawah ISA pada tahun itu. Menurut Menteri Dalam Negeri, setakat 9 November, 37 orang individu masih berada dalam tahanan di bawah ISA, di samping 13 individu yang ditahan di bilik kurungan bersendirian pada 60 hari pertama penahanan. Sebab-sebab yang diberikan untuk penahanan termasuk dakwaan kaitan dengan organisasi pengganas, pemalsuan dokumen, dan penglibatan dalam sindiket penyeludupan manusia.

Di bawah Ordinan Darurat (EO), Menteri Dalam Negeri boleh mengeluarkan perintah tahanan sehingga dua tahun terhadap seseorang jika difikirkannya perlu untuk melindungi ketenteraman awam, "menghindar keganasan, atau mencegah jenayah yang melibatkan keganasan." Pada 11 September, Unit Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap PDRM melaporkan bahawa 722 orang telah ditahan di bawah EO dari bulan Januari hingga Ogos, termasuk 10 orang wanita.

Pada 26 Jun, 31 ahli politik dari parti pembangkang Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang dalam perjalanan ke Pulau Pinang telah ditahan dalam sekatan jalan raya kerana disyaki menyebarkan fahaman komunisme dan berkomplot untuk menggulingkan kerajaan. Salah seorang daripada mereka, seorang remaja, dibebaskan pada hari itu. Pada 2 Julai, polis membebaskan baki 30 tahanan tetapi menangkap semula enam orang, termasuk Ahli Parlimen Michael Jeyakumar Devaraj. Mereka berenam kemudiannya ditahan di bawah Ordinan Darurat sehingga mereka dibebaskan pada 29 Julai. Pada 3 Ogos, Mahkamah Sesyen Pulau Pinang mendakwa enam aktivis PSM di bawah seksyen 43 Akta Pertubuhan dan seksyen 29 Akta Keselamatan Dalam Negeri atas dakwaan pemilikan dokumen subversif. Hakim membebaskan mereka dengan ikat jamin. Dalam perbicaraan pada 10 Oktober, polis menarik balik semua tuduhan terhadap kesemua 30 mereka.

Akta Dadah Berbahaya memberikan kerajaan kuasa khusus untuk menahan pengedar dadah yang disyaki tanpa perbicaraan sehingga 39 hari sebelum Menteri Dalam Negeri wajib mengeluarkan perintah tahanan. Sebaik sahaja Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan perintah tahanan tersebut, tahanan berhak mendapat pembicaraan di mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah pembebasan tahanan. Pihak berkuasa boleh menahan orang yang disyaki tanpa didakwa selama dua tahun berturut-turut dengan semakan dibuat oleh satu lembaga penasihat yang nasihatnya boleh mempengaruhi Menteri. Walau bagaimanapun, proses semakan ini tidak mengandungi sebarang hak prosedur yang diberikan kepada defendan dalam prosiding mahkamah. Pihak polis kerap menahan pengedar dadah yang disyaki di bawah akta ini setelah mahkamah membebaskan mereka daripada dakwaan rasmi. Kerajaan telah menahan 751 orang di bawah peruntukan tahanan pencegahan dalam Akta itu pada tahun itu. Timbalan Menteri Dalam Negeri Abu Seman Yusop melaporkan bahawa 92,861 orang telah ditangkap dari bulan Januari hingga Oktober bagi kesalahan berkaitan dadah. Pada tahun 2010, 157,756 orang telah ditahan di bawah pelbagai undang-undang antinarkotik, satu peningkatan daripada 125,620 pada tahun 2009.

Akta Kediaman Terhad membenarkan Menteri Dalam Negeri untuk memerintahkan penangkapan dan penahanan mana-mana individu atau menahan individu di bawah kediaman terhad jauh dari rumah mereka untuk tempoh permulaan tidak melebihi lima tahun, kemudian diperbaharui setiap tahun. Individu ini tidak dibenarkan meninggalkan daerah kediaman yang telah ditetapkan dan mereka perlu melaporkan diri kepada polis setiap hari. Menteri diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah kediaman terhad tanpa sebarang pembicaraan kehakiman atau pentadbiran. Bagi sebahagian besar tahun itu, kerajaan terus mewajarkan akta itu sebagai cara yang perlu untuk menyingkirkan suspek dari kawasan di mana aktiviti yang tidak diingini dijalankan. Namun, akta itu telah dimansuhkan pada 30 Disember. Pada 5 Oktober, Perdana Menteri Datuk Seri Najib mengumumkan di Parlimen bahawa Menteri Dalam Negeri akan membebaskan 125 tahanan dan membatalkan 200 waran bagi mereka yang ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad.

Pada 15 September, Perdana Menteri Datuk Seri Najib mengumumkan hasrat kerajaan untuk memansuhkan dan menggantikan ISA dan Ordinan Darurat dengan undang-undang baru yang direka untuk mencegah perbuatan subversif, mencegah ancaman pengganas, dan memelihara ketenteraman dan keselamatan awam. Majlis Peguam dan beberapa NGO hak asasi manusia telah berkali-kali menggesa selama bertahun-tahun bagi pemansuhan undang-undang seperti itu khususnya ISA, yang tidak membenarkan semakan kehakiman tentang keputusan ISA dalam mana-mana mahkamah kecuali bagi isu pematuhan terhadap keperluan prosedur. Pemansuhan ISA dan enakmen apa-apa undang-undang gantian memerlukan satu Akta Parlimen yang dijangka pada awal 2012.

Tahanan Praperbicaraan: Mahkamah yang sesak dan kekurangan kakitangan lazimnya mengakibatkan penahanan praperbicaraan yang panjang, kadangkala selama beberapa tahun. Pusat Kajian Penjara Antarabangsa melaporkan bahawa pada pertengahan 2010 tahanan praperbicaraan merangkumi 27.3 peratus daripada jumlah populasi banduan. Pada 6 Mac, bekas Ketua Hakim Negara, Zaki Azmi mengumumkan bahawa bilangan kes-kes jenayah yang menunggu untuk didengar di Mahkamah Tinggi telah berkurangan 22 peratus. Tunggakan kes sivil mahkamah sesyen telah dikurangkan sebanyak 46.5 peratus dan kes-kes jenayah sebanyak 12 peratus. Tunggakan kes-kes sivil di mahkamah majistret telah dikurangkan sebanyak 57 peratus dan kes-kes jenayah sebanyak 56 peratus. Kerajaan telah pun meningkatkan penggunaan tawaran pengakuan bersalah pada tahun itu sebagai satu cara untuk mengurangkan tunggakan kes. Pada bulan September Perdana Menteri Datuk Seri Najib menyatakan bahawa dari tahun 2009 hingga 2011 mahkamah telah mengurangkan kes tertunggak sebanyak 90 peratus.

e. Penafian Perbicaraan Awam yang Adil

Tiga artikel perlembagaan menyediakan asas bagi suatu penghakiman yang bebas; namun peruntukan-peruntukan perlembagaan yang lain, undang-undang yang menyekat semakan penghakiman, dan faktor-faktor tambahan menghadkan kebebasan kehakiman dan mengukuhkan pengaruh eksekutif ke atas sistem kehakiman.

Anggota Majlis Peguam, wakil NGO, dan pemerhati lain menyatakan kebimbangan serius tentang pembatasan kebebasan kehakiman yang ketara dengan memberi contoh sejumlah kes berprofil tinggi dengan keputusan yang dibuat secara sewenang-wenangnya, pendakwaan selektif, dan layanan istimewa terhadap sesetengah litigan dan peguam.

Pada 13 September, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa penemuan Suruhanjaya Diraja Siasatan (SDS) dalam skandal penetapan hakim tidak dikaji semula. SDS itu asalnya ditubuhkan pada tahun 2002 untuk menyiasat dakwaan rakaman video perbualan seorang peguam kanan, VK Lingam dan seorang hakim kanan, Ahmad Fairuz Abdul Halim, yang membincangkan persiapan untuk memberikan kes kepada hakim-hakim yang "mesra." SDS mengeluarkan penemuannya pada tahun 2008, menyatakan bahawa ia telah memutuskan bahawa bekas Perdana Menteri Mahathir, Setiausaha Agung UMNO Tengku Adnan, dan bekas Ketua Hakim Negara Eusoff Chin, terlibat dalam memanipulasikan pelantikan kehakiman dan mempengaruhi kenaikan pangkat hakim secara tidak wajar. Pada tahun 2009 dalam jawapan bertulis kepada soalan ahli Parlimen pembangkang dari Parti Tindakan Demokratik Karpal Singh mengenai mengapa tidak ada tindakan susulan atas penemuan suruhanjaya itu, seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan bahawa kes tersebut ditutup kerana kekurangan bukti. Pada tahun 2010 Lingam, bersama-sama dengan Eusoff Chin dan Ahmad Fairuz merayu - pertama kepada Mahkamah Rayuan dan kemudian ke Mahkamah Persekutuan - mengenai keputusan tahun 2008 Mahkamah Tinggi yang menafikan mereka kebenaran untuk merayu penemuan SDS.

Pada tahun 2008, pihak berkuasa menahan pemimpin parlimen pembangkang Anwar Ibrahim atas tuduhan melakukan liwat secara rela dengan bekas pembantunya. Pihak pendakwa mendakwa Anwar di mahkamah di bawah kanun keseksaan kerana "melakukan seks luar tabii secara rela" yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun. Anwar dibebaskan mahkamah dengan ikat jamin.

Perbicaraan Anwar bermula pada bulan Februari 2010, dengan bekas pembantu dan mangsa yang didakwa diliwat, Saiful Bukhari, berdiri sebagai saksi pertama pendakwaan. Pada 16 Mei, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadapnya dan mengarahkan Anwar untuk membela diri. Pada 22 Ogos, Anwar memulakan pembelaannya dengan memberikan kenyataan "dari kandang tertuduh." Perbicaraan itu berakhir pada 15 Disember, dan keputusan itu dijangka awal pada tahun 2012. Pendakwaan untuk liwat secara rela antara dua orang dewasa sangat jarang berlaku dalam jurisprudens Malaysia.

Prosedur Perbicaraan

English Common Law adalah asas sistem perundangan sekular di negara ini. Perlembagaan menyatakan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama di sisi undang-undang. Defendan dianggap tidak bersalah sehingga terbukti bersalah. Perbicaraan adalah terbuka kepada orang awam, walaupun hakim boleh memerintahkan sekatan ke atas liputan akhbar. Juri tidak digunakan. Pihak defendan berhak mendapatkan khidmat guaman atas pembiayaan awam jika diminta oleh tertuduh yang menghadapi dakwaan jenayah berat. Peraturan yang ketat bagi bukti dipakai di mahkamah. Defendan diberi peluang untuk berdepan dengan saksi-saksi yang

menentang serta memperkenalkan saksi-saksi serta bukti-bukti bagi pihaknya, walaupun pihak hakim ada kalanya tidak membenarkan testimoni saksi. Defendan boleh membuat kenyataan bertulis kepada agensi penyiasatan sebelum perbicaraan dimulakan. Penemuan praperbicaraan yang terhad dalam kes-kes jenayah menghalang kemampuan pihak defendan untuk membela diri. Bukti yang dipegang kerajaan tidak selalu boleh didapati. Peguam perlu memohon perintah mahkamah untuk mendapatkan dokumen yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi. Defendan boleh merayu kepada keputusan mahkamah di mahkamah yang lebih tinggi, tetapi undang-undang mengehadkan hak seseorang defendan untuk merayu dalam keadaan tertentu. Pihak kerajaan menyatakan had yang dikenakan dapat mempercepatkan perbicaraan di mahkamah peringkat tinggi, tetapi Majlis Peguam menganggap had itu mengakibatkan sekatan yang berlebihan terhadap kes rayuan.

Bagi kes senjata api dan sesetengah kes keselamatan negara, piawaian yang lebih rendah dikuatkuasakan dalam menerima kenyataan defendan yang boleh membabitkan kesalahan diri sebagai bahan bukti. Peraturan juga membenarkan pihak berkuasa menahan tertuduh selama satu tempoh yang tidak ditentukan sebelum membuat dakwaan rasmi.

Mahkamah syariah tidak memberikan pertimbangan yang sama terhadap testimoni yang diberikan oleh wanita. Banyak pertubuhan NGO mengadu bahawa wanita tidak menerima layanan yang adil dari mahkamah syariah, khususnya dalam hal perceraian dan hak penjagaan anak.

Banduan dan Tahanan Politik

Tidak ada laporan tentang banduan atau tahanan politik.

Prosedur dan Remedi Kehakiman Sivil

Kerajaan dan pegawai kerajaan boleh didakwa di mahkamah atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Struktur kehakiman sivil adalah sama dengan mahkamah jenayah. Kes tertunggak yang terlalu banyak kerap kali mengakibatkan kelewatan mahkamah memperuntukkan relief bagi plaintif sivil. Mahkamah semakin menggalakkan penggunaan pengantaraan dan timbang tara untuk mempercepat penyelesaian.

f. Gangguan Sewenang-wenang Terhadap Privasi, Keluarga, Tempat Kediaman, atau Surat-menyurat

Pelbagai undang-undang melarang gangguan sewenang-wenang terhadap hak privasi. Namun begitu, pihak berkuasa telah mencabuli hak privasi rakyat dalam sesetengah kes. Peruntukan yang terdapat dalam undang-undang keselamatan membenarkan polis memasuki dan menggeledah tanpa waran rumah orang yang disyaki mengancam keselamatan negara. Polis juga boleh merampas bukti di bawah peruntukan-peruntukan ini. Polis menggunakan kuasa undang-undang ini untuk menggeledah rumah dan pejabat; merampas komputer, buku, dan dokumen; memantau perbualan; dan menahan seseorang tanpa waran. Pihak kerajaan memantau e-mel yang dihantar ke laman blog Internet dan mengancam akan menahan sesiapa yang menghantar bahan melalui Internet yang dianggap oleh kerajaan sebagai mengancam ketenteraman atau keselamatan awam.

Garis panduan JAKIM memberikan kuasa kepada pegawai JAKIM untuk memasuki premis-premis persendirian tanpa waran jika mereka berpendapat bahawa tindakan pantas perlu dilakukan untuk menyerbu premis-premis yang disyaki ada orang Islam melakukan kesalahan seperti berjudi, minum arak, dan berzina.

Pada 14 Februari, jabatan agama negeri Selangor dan Kuala Lumpur telah menahan 88 orang Islam yang disyaki berkhawat (berdua-duaan bagi pasangan lelaki dan wanita yang tidak bernikah) semasa operasi Hari Valentine.

Dalam siasatan rasuah, selepas pegawai kanan polis yang terlibat dalam penyiasatan mengemukakan permohonan bertulis, undang-undang memberi kuasa kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mengizinkan pemintasan mesej yang dihantar atau diterima oleh orang yang disyaki. Maklumat yang diperoleh dengan cara begini boleh diterima sebagai bukti dalam perbicaraan kes rasuah. Pasukan keselamatan mempunyai bidang kuasa yang luas untuk memasang alat-alat perisikan secara diam-diam di harta milik persendirian. Selain itu, Pendakwa Raya boleh memberi kuasa kepada pihak polis untuk memintas mesej yang dihantar melalui pos dan rangkaian telekomunikasi jika pihak pendakwa berpendapat bahawa mesej ini mungkin mengandungi maklumat berkaitan jenayah keganasan. Maklumat yang dipintas secara begini boleh diterima pakai di mahkamah.

Sebelum ia secara rasminya dimansuhkan pada 30 Disember, Akta Kediaman Terhadap membenarkan Kementerian Dalam Negeri meletakkan penjenayah di bawah kediaman terhad di daerah terpencil, jauh dari rumah mereka untuk tempoh permulaan sehingga lima tahun, diperbaharui pada setiap tahun selepas itu.

Kerajaan mengharamkan keahlian dalam sebarang parti politik dan pertubuhan yang tidak berdaftar.

Beberapa isu keagamaan menjadi penghalang utama kepada perkahwinan di antara orang Islam dengan penganut agama lain. Kerajaan tidak mengiktiraf perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam.

Seksyen 2. Menghormati Kebebasan Awam, Termasuk:

a. Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Akhbar

Status Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Akhbar

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan bersuara dan akhbar. Namun, daripada segi amalan kerajaan menghadkan kebebasan bersuara dan menakut-nakutkan wartawan agar mereka membuat penapisan sendiri. Wakil kerajaan menggunakan perlindungan keselamatan negara, ketenteraman awam, dan hubungan baik dengan negara lain sebagai alasan untuk mengenakan sekatan ke atas media.

Kebebasan Bersuara: Undang-undang memperuntukkan bahawa undang-undang "demi keselamatan (atau) ketenteraman awam" boleh menyekat kebebasan bersuara. Undang-undang pilihan raya menjadikan ia satu kesalahan bagi mana-mana calon pilihan raya yang "menyemarakkan perasaan benci, rasa tidak puas hati, atau permusuhan." Pesalah boleh dibatalkan kelayakan untuk bertanding. Akta Hasutan melarang ulasan terbuka terhadap isu-isu yang dianggap sensitif seperti soal perkauman dan

keagamaan. Kerajaan menggunakan ISA, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, undang-undang jenayah fitnah, dan undang-undang lain untuk menyekat atau mencegah ucapan politik. Namun, individu-individu kerap mengkritik kerajaan secara terbuka atau tertutup dan dalam media dalam talian. Namun dalam sesetengah keadaan, pihak kerajaan akan bertindak balas terhadap mereka yang mengkritiknya.

Kebebasan Akhbar: Kerajaan mengharamkan beberapa buah akhbar dan majalah asing, dan kadangkala menapis majalah atau akhbar-akhbar asing, biasanya kerana kandungan seksual. Kerajaan mengenakan kawalan ke atas kandungan berita, baik di media cetak dan penyiaran, mewajibkan pembaharuan permit penerbitan tahunan, menghukum penerbit "berita yang berniat jahat," dan mengharamkan, mengehadkan, dan membataskan pengedaran penerbitan yang dianggap boleh mengancam ketenteraman awam, moral atau keselamatan negara.

Dua daripada tiga akhbar harian berbahasa Inggeris utama dan kebanyakan akhbar harian Melayu dimiliki atau saham akhbar-akhbar ini dikawal oleh parti kerajaan. Ahli perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan serta parti yang memerintah memiliki akhbar bahasa Inggeris ketiga paling utama dan keempat-empat akhbar berbahasa Cina.

Keganasan dan Gangguan: Wartawan dikenakan gangguan dan ditakut-takuti kerana laporan mereka. Contohnya, terdapat laporan dua wartawan yang diancam dengan keganasan fizikal oleh penyokong loji nadir bumi Lynas yang dicadangkan dibina di Kuantan, dan pada 3 Ogos, polis mengarahkan wartawan berita portal dalam talian Malaysiakini untuk menyerahkan komputer riba kepada mereka.

Penapisan atau Sekatan Kandungan: Kerajaan terus menapis media. Ini dilakukan secara langsung dan tidak langsung dengan mengawal kandungan berita; memerlukan pembaharuan permit penerbitan tahunan; membuat penerbitan "berita yang berniat jahat" satu kesalahan yang boleh dihukum; memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengharam atau menyekat sebarang penerbitan yang dianggap boleh mengancam ketenteraman awam, moral, atau keselamatan negara; dan mengehadkan edaran kepada ahli organisasi itu sahaja. Permit diperlukan untuk memiliki mesin cetak. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan juga melarang mencabar mahkamah atas penggantungan atau pembatalan permit penerbitan. Disebabkan itu syarikat pencetak biasanya enggan mencetak sebarang penerbitan yang mengkritik kerajaan kerana takut tindakan balas. Dasar-dasar tersebut, bersama-sama dengan undang-undang antifatnah, menghalang kewartawanan bebas atau yang bersifat menyiasat dan mengakibatkan penapisan sendiri yang meluas. Pada 3 Mei, Utusan Melayu Berhad memecat salah seorang editor kanan *Utusan Malaysia* dan Presiden Kesatuan Wartawan Kebangsaan, Hata Wahari, kerana mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan terma pekerjaan. Hata didakwa telah mencetuskan pertikaian perkauman melalui pernyataannya dalam temu bual dengan Malaysiakini pada bulan Oktober 2010 bahawa Utusan adalah tidak relevan. Dia mengkritik ketiadaan kebebasan *Utusan Malaysia* dan menyatakan bahawa banyak media di negara ini adalah terlalu dekat dengan kerajaan.

Pada 1 Julai, Malaysiakini melaporkan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), yang menyelia semua televisyen swasta dan stesen radio, telah menasihatkan media elektronik dan pengendali telekomunikasi dalam liputan berita mereka untuk merujuk kepada perhimpunan Bersih

2.0 pada 9 Julai sebagai perhimpunan haram. SKMM dilaporkan memberi arahan kepada 22 wakil media yang telah dijemput untuk satu seminar pada 30 Jun. Malaysiakini melaporkan bahawa SKMM, yang menganjurkan seminar tersebut, memberitahu editor bahawa berita harus mengetengahkan kesukaran dan kesusahan kepada orang ramai disebabkan perhimpunan, serta kejadian harta benda awam yang dirosakkan dan kesesakan trafik. SKMM juga telah mengeluarkan amaran bahawa ia akan menutup laman web yang dianggap sebagai ancaman terhadap keselamatan negara, termasuk mereka yang mempromosikan perhimpunan Bersih 2.0, dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana laman web yang melanggar undang-undang Akta SKMM.

Menurut kerajaan, peruntukan penapisan ini memastikan bahawa pihak media tidak akan menyebarkan "berita yang diputarbelitkan" dan ini perlu untuk menjaga keharmonian serta menggalakkan kehidupan yang aman di negara berbilang bangsa. Walaupun terdapat sekatan ini, penerbitan parti pembangkang, kumpulan tindakan sosial, kesatuan, laman berita Internet, dan kumpulan persendirian lain giat membuat liputan parti pembangkang dan sering kali menerbitkan pandangan yang mengkritik dasar-dasar kerajaan. Namun, akhbar berbahasa Inggeris, Melayu dan Cina ada kalanya memberi pandangan alternatif yang seimbang tentang isu-isu yang sensitif, begitu juga media online dan penulis blog.

Pada 23 September, *The Malaysian Insider* melaporkan bahawa video pengumuman khidmat awam yang menggalakkan hak untuk mengundi telah dikeluarkan daripada siaran atas arahan SKMM kerana video itu menampilkan beberapa pemimpin pembangkang, serta seorang ahli politik kanan terkenal yang bercakap tentang negara yang mempunyai masalah. Pada 19 Julai, Kementerian Dalam Negeri menggelapkan bahagian sebuah artikel dalam *The Economist* yang membuat liputan tentang perhimpunan pembaharuan pilihan raya pada 9 Julai dan berita penangkapan 1,600 orang. Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran menyatakan bahawa artikel itu yang disiarkan pada 14 Julai, mengandungi kenyataan yang salah yang boleh mengelirukan pembaca.

Stesen radio dan televisyen juga terhad kerana media cetak dan elektronik hampir kesemuanya menyokong kerajaan. Berita tentang pembangkang adalah terhad dan berat sebelah. Semasa pilihan raya negeri Sarawak bulan April, media arus perdana tidak memberikan liputan sama rata kepada calon pembangkang. Stesen-stesen televisyen menapis siaran program masing-masing selaras dengan garis panduan kerajaan. Kerajaan mempunyai "senarai hitam" yang menyenaraikan nama penghibur, ahli politik, dan pemimpin agama tempatan dan luar negara yang tidak dibenarkan muncul dalam siaran televisyen atau radio.

Kerajaan umumnya akan menyekat komen atau penerbitan, termasuk buku, jika dianggap boleh menjejaskan keharmonian antara kaum atau agama.

Undang-undang Libel/Keselamatan Negara: Akta Fitnah mengawal pertikaian fitnah sivil dan seksyen kanun keseksaan mengawal fitnah jenayah. Kesalahan memfitnah boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga dua tahun, denda, atau kedua-duanya sekali. Pada 19 Julai, hakim Mahkamah Tinggi mengarahkan penulis blog politik Amizudin Ahmat untuk membayar RM300,000 sebagai ganti rugi, dengan kos, dalam saman fitnah yang dibawa oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Rais Yatim atas satu entri blog yang mencadangkan bahawa Rais telah merogol pembantu rumah

Indonesia. Amizudin memfailkan rayuan pada 1 Ogos. Pada bulan Februari, penulis blog paling terkenal di Malaysia, Raja Petra Kamarudin, telah didapati bersalah memfitnah peguam kanan Dato' Seri Muhammad Shafee Abdullah melalui tiga artikel yang disiarkan di laman webnya Malaysia Today. Ganti rugi belum diputuskan kerana Raja Petra membuang diri sendiri apabila pertuduhan pertama kali dibawa terhadapnya pada tahun 2008.

Sekatan Penerbitan: Akta Mesin Cetak dan Penerbitan mewajibkan penerbit tempatan dan asing untuk memohon permit setiap tahun kepada kerajaan dan memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengharam atau menyekat apa-apa penerbitan yang dianggap boleh mengancam ketenteraman awam, moral atau keselamatan negara. Walaupun semakan kehakiman boleh diminta bagi sebuah buku yang diharamkan, penggantungan atau pembatalan permit penerbitan tidak tertakluk kepada semakan kehakiman. Sepanjang tahun itu, pihak Kementerian terus menyemak, menapis, dan merampas banyak penerbitan asing.

Kementerian Dalam Negeri mengharamkan sebuah buku baru pada tahun itu, menurun daripada 25 pada tahun 2010. Pada 2 Ogos, perintah larangan Kementerian Dalam Negeri mengharamkan penerbitan buku Islam: *Evil in the Name of God*, oleh Jake Neumann, dengan menyatakan bahawa ia adalah "usaha jahat pihak tertentu untuk menyemai kebencian dan sentimen negatif terhadap Islam dalam kalangan bukan Islam." Kementerian Dalam Negeri (KDN) mempunyai senarai 1,511 judul buku yang diharamkan sejak tahun 1971.

Kebebasan Internet

Kerajaan umumnya mengekalkan dasar akses terbuka dan bebas bagi Internet. Individu dan kumpulan dapat melibatkan diri dalam meluahkan pandangan melalui Internet, termasuk melalui e-mel. Pada 12 Februari, Perdana Menteri Datuk Seri Najib mengulangi pendirian kerajaan bahawa ia tidak akan mengenakan tapisan internet.

Pada bulan September 2010, Kementerian Dalam Negeri mendedahkan satu pasukan petugas kerajaan yang terdiri daripada polis, pengawal selia internet, Kementerian Penerangan, dan Jabatan Peguam Negara yang memantau Internet bagi kiriman blog yang dianggap berbahaya terhadap perpaduan nasional dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba menyemarakkan ketegangan antara kaum. Kerajaan memantau e-mel yang dihantar ke laman blog Internet dan mengancam akan menahan sesiapa yang menghantar bahan melalui Internet yang dianggap oleh kerajaan sebagai mengancam ketenteraman atau keselamatan awam. Satu pasukan petugas kedua diwujudkan untuk menyiasat aduan mengenai ancaman kepada keselamatan negara dan perpaduan. Kerajaan terus memberi amaran kepada pengendali Internet untuk mengelakkan kandungan yang ofensif atau lucah, atau menyentuh perkara sensitif seperti agama dan bangsa.

Pada 30 Mei, SKMM telah menghantar surat kepada semua pembekal perkhidmatan Internet, yang mengarahkan mereka untuk menyekat 10 laman web perkongsian fail terkemuka atas dakwaan pelanggaran Akta Hak Cipta.

Undang-undang fitnah jenayah dan kewujudan undang-undang tahanan pencegahan telah membawa kepada beberapa penapisan sendiri kandungan internet tempatan oleh penulis blog, penyedia berita internet, dan aktivis NGO.

Pada 15 April, sebuah NGO terkenal melaporkan bahawa banyak laman web pembangkang dan laman web berita menjadi mangsa serangan "nafi khidmat" dalam tempoh sebelum pilihan raya 16 April di Sarawak. Laman web yang tidak boleh diakses termasuk Sarawak Report, Radio Free Sarawak, Dayak Baru Blog, dan Malaysiakini, yang mana akaun Twitter mereka telah digantung. Malaysiakini melaporkan bahawa ia menjadi mangsa serangan nafi khidmat yang terhad selama dua hari kerana perhimpunan pembaharuan pilihan raya 9 Julai pada hujung minggu.

Akta Komunikasi dan Multimedia mewajibkan penyedia perkhidmatan Internet dan rangkaian lain mendapatkan lesen. Sebelum ini, kerajaan telah menyatakan bahawa ia tidak berniat untuk mengenakan kawalan terhadap penggunaan Internet tetapi akan menghukum "penyalahgunaan" teknologi maklumat. Akta ini membenarkan hukuman dikenakan terhadap pemilik sesebuah laman web atau blog kerana membenarkan penerbitan kandungan yang bersifat perkauman, keagamaan atau politik yang dianggap oleh mahkamah sebagai ofensif.

Pada 15 Mac, Mahkamah Sesyen Petaling Jaya telah melepaskan tetapi tidak membebaskan penulis blog Irwan Abdul Rahman, yang telah dituduh pada bulan September 2010 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia kerana "mewujudkan dan menyebarkan pembohongan dengan niat jahat untuk menyakiti orang lain." Irwan menyiarkan satu satira yang mengatakan bahawa Tenaga Nasional Berhad akan menyaman World Wildlife Federation kerana menganjurkan kempen "Earth Hour" yang menggalakkan pengguna tidak menggunakan kuasa elektrik selama satu jam kerana peristiwa itu akan merugikan syarikat nasional itu berjuta-juta ringgit daripada segi hasil yang belum terealisasi.

Kebebasan Akademik dan Acara Kebudayaan

Kerajaan mengenakan beberapa sekatan terhadap kebebasan berakademik, terutamanya yang melibatkan pandangan politik yang tidak dibenarkan, dan mengenakan sekatan terhadap guru dan pelajar yang menyuarakan pandangan yang menentang. Kerajaan masih mewajibkan agar semua kakitangan kerajaan, fakulti universiti, dan pelajar menandatangani ikrar kesetiaan kepada Yang Dipertuan Agung dan kerajaan. Pemimpin pembangkang dan pejuang hak asasi mendakwa bahawa kerajaan telah menggunakan ikrar kesetiaan ini untuk mengekang kegiatan politik dalam kalangan kakitangan awam, ahli akademik, dan pelajar.

Meskipun ahli fakulti kadangkala mengkritik kerajaan secara terang-terangan, mereka mengamalkan penapisan sendiri memandangkan kemajuan kerjaya dan pembiayaan mereka bergantung kepada kerajaan. Penapisan sendiri berlaku dalam kalangan ahli akademik di institusi swasta serta didorong oleh kebimbangan bahawa kerajaan mungkin membatalkan lesen institusi mereka. Undang-undang juga mengenakan sekatan ke atas persatuan pelajar dan ke atas aktiviti politik pelajar dan fakulti.

Kerajaan telah lama menyatakan bahawa pelajar seharusnya tidak terlibat dalam politik, dan pelajar dilarang oleh undang-undang daripada menjadi ahli parti politik. Atas dasar itu, kerajaan menafikan

parti-parti politik akses ke forum pelajar. Menurut pemimpin pelajar, pihak berkuasa akademik pernah membuang atau mendenda pelajar yang menandatangani petisyen antikerajaan. Pihak berkuasa sekolah tidak melarang penyebaran pandangan kerajaan tentang isu-isu kontroversi di kampus sekolah.

Pada 30 Julai, empat pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, yang dikenali sebagai "UKM4," telah dibebaskan daripada tindakan tatatertib di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pelajar "boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia." Mereka telah dibawa ke hadapan panel tatatertib pada tahun 2010 kerana pegawai polis dan universiti menemui beberapa risalah politik di dalam kenderaan yang mereka naiki. Mahkamah Rayuan juga mendapati beberapa peruntukan dalam AUKU tidak mengikut perlembagaan (lihat seksyen 2.b.).

Pada masa lalu kerajaan menapis dan mengharamkan filem kerana kandungan lucah, bogel, seks, keganasan, dan berbaur politik dan agama. Filem dalam bahasa Ibrani, Yiddish, atau dari Israel tidak dibenarkan ditayangkan di pawagam. Pada tahun itu, 21 filem telah ditapis kebanyakannya atas sebab seks, bogel, kejam dan ganas, tetapi tiada filem tertentu telah diharamkan. Kos yang tinggi bagi menghasilkan versi filem 3D yang disunting menyebabkan sesetengah filem ini tidak ditayangkan langsung. Walaupun kerajaan membenarkan penayangan filem-filem asing di festival filem tempatan, kandungan seksual filem ditapis dengan mengadakan skrin sehingga adegan berkenaan berakhir.

Pada bulan Oktober kumpulan hak asasi bagi lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) Seksualiti Merdeka telah dilarang daripada melangsungkan festival seni tahunan kerana bantahan daripada pegawai kerajaan dan pemimpin agama. Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan program itu sebagai tidak wajar dan "membuang masa." Peraturan penapisan media melarang filem dan lagu yang menggalakkan penerimaan golongan LGBT.

Pada bulan Jun sayap pemuda parti pembangkang Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah menghantar memorandum kepada pejabat Menteri Besar Selangor, yang menggesa pengharaman konsert muzik tajaan antarabangsa yang akan diadakan di Shah Alam, sebuah bandar dalam negeri Selangor yang dikawal pembangkang. Ketua Pemuda PAS Nasaruddin Tantawi berkata konsert itu mempromosikan budaya negatif dengan percampuran bebas lelaki dan wanita. Konsert itu berjalan seperti yang dijadualkan di bawah garis panduan yang telah dipersetujui sebelumnya. Semasa konsert, Pemuda PAS mengedarkan 5,000 risalah yang menggesa belia untuk mengelakkan diri daripada perlakuan tidak bermoral. Dalam tahun-tahun lepas sayap pemuda PAS membuat bantahan terhadap penyanyi dan kumpulan yang dianggap sebagai tidak senonoh dan tidak selaras dengan nilai-nilai Islam. Kerajaan bertindak balas pada masa lalu dengan membatalkan atau meletakkan syarat terhadap persembahan oleh beberapa penghibur antarabangsa.

Pimpinan kerajaan PAS Kedah meneruskan dasar memberikan lesen hiburan untuk artis wanita hanya bagi konsert yang dihadiri penonton wanita. Pada bulan Julai kerajaan Kedah mengumumkan pengharaman ke atas operasi pusat hiburan pada bulan Ramadan tetapi kemudiannya menarik balik larangan itu ke atas orang bukan Islam. Kerajaan negeri juga mengekalkan larangan menyeluruh

terhadap konsert rock, reggae, pop, dan dangdut (gaya muzik Indonesia) yang mula dikenakan pada tahun 2008, dengan mendakwa apa-apa jenis muzik boleh memberi "kesan negatif" kepada belia.

b. Kebebasan Berhimpun Secara Aman dan Berpersatuan

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan berhimpun dan berpersatuan tetapi membenarkan sekatan yang difikirkan perlu atau mustahak demi keselamatan, ketenteraman awam, atau (dalam hal persatuan) moral.

Kebebasan Berhimpun

Perlembagaan menyatakan bahawa semua rakyat mempunyai "hak untuk berhimpun secara aman tanpa bersenjata"; namun kerajaan telah mengenakan sekatan terhadap hak ini melalui penggunaan Ordinan Ketenteraman Awam dan Akta Polis. Ordinan menghadkan perhimpunan awam yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam, manakala akta mewajibkan permit polis untuk semua perhimpunan awam kecuali untuk pekerja yang berpiket. Akta Polis mentakrifkan perhimpunan awam sebagai satu perhimpunan yang terdiri daripada lima orang atau lebih.

Keputusan untuk mengeluarkan permit terserah kepada Ketua Polis Daerah. Namun, pegawai kanan polis dan pemimpin politik mempengaruhi pemberian atau penolakan sesetengah permit. Pihak polis selalu mengeluarkan permit kepada penyokong kerajaan dan parti perikatan, tetapi menggunakan kaedah yang lebih ketat terhadap pengkritik kerajaan, parti pembangkang, pertubuhan NGO, dan pejuang hak asasi manusia.

Pada 21 Disember, Dewan Negara telah meluluskan Akta Perhimpunan Aman yang kontroversi yang telah diluluskan pada 29 November oleh Dewan Rakyat. Undang-undang itu, yang akan berkuat kuasa apabila disiarkan secara rasmi pada tahun 2012, menghapuskan syarat untuk memohon permit polis, tetapi ia juga mengharamkan demonstrasi jalanan, tidak membenarkan untuk berhimpun secara aman oleh bukan warganegara dan kanak-kanak di bawah umur (bawah 15 tahun), dan menghadkan di mana dan bila perhimpunan boleh diadakan. Ahli Parlimen daripada parti pembangkang, Pakatan Rakyat, berjalan keluar kerana membantah sebelum undian bagi rang undang-undang dibuat. Pelbagai NGO mengadakan bantahan terhadap undang-undang baru itu.

Polis mengambil tindakan pencegahan untuk mengganggu rancangan bantahan 27 Februari yang dianjurkan oleh Parti Hak Asasi Manusia (HRP), sebuah kumpulan hak asasi bagi bangsa India, terhadap novel kontroversi *Interlok*, yang didakwa HRP mengandungi penghinaan kaum. Polis menafikan permohonan HRP untuk mengadakan tunjuk perasaan dan menahan 109 orang yang berkaitan dengan perhimpunan tersebut, beberapa orang ditahan terlebih dahulu. Kebanyakan 109 telah dibebaskan pada hari yang sama, tetapi lapan ditahan semalaman dan dibebaskan dengan ikat jamin pada hari berikutnya tanpa didakwa.

Pada 26 Mei, Bersih, sebuah kumpulan pejuang pembaharuan sistem pilihan raya, mengumumkan rancangan untuk berhimpun pada 9 Julai untuk menggesa pembaharuan pilihan raya. Dalam jawapannya, Menteri Dalam Negeri, Hishammuddin menyatakan pendirian kerajaan bahawa

perhimpunan tersebut "menyalahi undang-undang" dan menggesa penganjur membatalkannya, dan berjanji untuk menahan penunjuk perasaan jika mereka mengancam keselamatan negara. Kerajaan juga melarang pemakaian dan pengedaran baju kuning Bersih dan mengisytiharkan Bersih pertubuhan haram di bawah Akta Pertubuhan. Bersih menjawab balas bahawa ia tidak perlu didaftarkan kerana ia gabungan 62 pertubuhan.

Pada 30 Jun, polis menyerbu pejabat Bersih di Petaling Jaya, serta pejabat ahli parlimen pembangkang, S. Manikavasagam. Lebih daripada 150 orang telah ditahan pada minggu-minggu sebelum 9 Julai kerana disyaki terlibat dalam aktiviti berkaitan Bersih seperti mengedarkan risalah. Kebanyakan mereka telah dibebaskan selepas disoal siasat. Pada 26 Jun, 30 ahli PSM telah ditangkap di Pulau Pinang kerana disyaki menyebarkan fahaman komunisme dan berkomplot untuk menggulingkan kerajaan. Enam orang ahlinya, termasuk Ahli Parlimen Michael Jeyakumar Devaraj, telah ditahan di bawah Ordinan Darurat sehingga mereka dibebaskan pada 29 Julai (lihat seksyen 1.d). Pada 8 Julai, polis mengeluarkan senarai 91 individu yang telah dihalang daripada memasuki kawasan pusat perniagaan di Kuala Lumpur pada 9 Julai.

Perhimpunan tersebut berlangsung pada 9 Julai. Polis telah membuat tangkapan dan menyuraikan orang ramai dengan menggunakan gas pemedih mata dan meriam air berkimia. Pemerhati pihak ketiga menganggarkan antara 10,000 dan 20,000 peserta, walaupun polis dianggarkan hanya 6,000 dan penganjur perhimpunan mendakwa sebanyak 50,000. Polis mengesahkan membuat 1,667 tangkapan, termasuk 167 wanita dan kanak-kanak di bawah umur. Kebanyakan yang ditangkap, termasuk penganjur utama dan bekas Presiden Majlis Peguam Ambiga Sreenevasan, telah dibebaskan pada penghujung hari. Walaupun pihak polis biasanya tidak menggunakan keganasan fizikal, terdapat laporan kecederaan ringan dan satu kematian dilaporkan akibat komplikasi jantung.

Kebebasan Berpersatuan

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan untuk berpersatuan, tetapi kerajaan mengenakan syarat yang ketat terhadap hak ini dan beberapa statut mengehadkan kebebasan ini. Di bawah Akta Pertubuhan, hanya pertubuhan berdaftar yang dianggotai tujuh orang ahli atau lebih sahaja boleh berfungsi sebagai persatuan. Kerajaan kadangkala enggan mendaftarkan sesebuah pertubuhan atau mengenakan syarat apabila membenarkan pertubuhan itu didaftarkan. Kerajaan terus mengharamkan Parti Komunis dan organisasi gabungannya kerana dianggap satu ancaman keselamatan negara, dan pada 4 Ogos, Pendaftar Pertubuhan menolak pendaftaran HRP. Pada 16 Ogos, Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan HRP terhadap keputusan itu. Kerajaan juga mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran persatuan berdaftar sedia ada kerana pelanggaran akta itu. Tidak seperti pada tahun-tahun sebelumnya, kerajaan tidak menggunakan kuasa pembatalan ini terhadap kumpulan politik pembangkang.

AUKU juga menyekat kebebasan berpersatuan. Akta ini memberi mandat kepada pihak universiti untuk meluluskan persatuan pelajar dan melarang persatuan pelajar dan ahli fakulti daripada melibatkan diri dalam kegiatan politik (lihat bahagian 2.a.). Ramai pelajar, pertubuhan NGO dan parti politik pembangkang mendesak agar akta tersebut dimansuhkan atau dipinda. Beberapa individu yang

bergabung dengan parti pemerintah juga menyokong semakan semula akta itu, tetapi sepanjang tahun itu kerajaan menegaskan bahawa akta itu masih perlu. Pada 31 Oktober, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen dalam AUKU yang tidak membenarkan pelajar melahirkan sokongan, simpati atau bantahan kepada mana-mana parti politik adalah tidak mengikut perlembagaan. Kerajaan dilaporkan merayu keputusan tersebut kerana implikasinya terhadap pemisahan kuasa. Pada 24 November, Perdana Menteri Datuk Seri Najib mengumumkan hasrat kerajaan untuk meminda AUKU dengan melonggarkan sekatan ke atas penglibatan pelajar dalam politik pada masa yang sama meneruskan sekatan terhadap ahli politik dan aktiviti politik di kampus.

Beberapa pertubuhan hak asasi manusia dan masyarakat sivil sukar mendapatkan pengiktirafan sebagai pertubuhan NGO daripada pihak kerajaan. Oleh itu, sesetengah NGO didaftarkan sebagai syarikat dan ini telah menimbulkan masalah perundangan serta birokrasi dari segi pungutan derma bagi membiayai aktiviti pertubuhan. Sesetengah NGO juga melaporkan bahawa pihak kerajaan memantau aktiviti mereka.

Pada 3 Ogos, kira-kira 30 pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyerbu Bangunan Dream Centre di Gereja Methodist Damansara Utama di Petaling Jaya, Selangor, semasa majlis makan malam kesyukuran tahunan yang dianjurkan oleh organisasi kebajikan persendirian, Harapan Komuniti. Mereka yang hadir termasuk 100 orang daripada pelbagai latar belakang kaum dan etnik, termasuk 12 orang Islam. JAIS didakwa telah menyerbu majlis tersebut tanpa waran, selepas menerima laporan dakwaan cubaan untuk memurtadkan umat Islam (sesuatu yang tidak dibenarkan). JAIS merampas risalah program dan menyoal tetamu makan malam. Pengarah JAIS, Marzuki Hussin, menjelaskan bahawa pemeriksaan telah dijalankan di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 berdasarkan maklumat bahawa majlis buka puasa akan diadakan dengan majlis makan malam kesyukuran di sebuah gereja. Pada 15 Ogos, 12 orang Islam yang menghadiri majlis tersebut memberikan kenyataan mereka kepada JAIS dan diminta hadir di Mahkamah Syariah Shah Alam pada 19 Oktober. Pada 10 Oktober, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mengumumkan bahawa tindakan undang-undang tidak boleh diambil terhadap mana-mana pihak kerana kekurangan bukti. Beliau menambah bahawa tindakan JAIS adalah betul dan tidak melanggar mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan di Selangor, dan bahawa 12 orang umat Islam akan diberikan sesi kaunseling oleh JAIS untuk "mengembalikan kepercayaan dan iman mereka."

c. Kebebasan Beragama

Lihat Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa Jabatan Negara di www.state.gov/j/drl/IRF/RPT.

d. Kebebasan Bergerak, Orang Buangan Dalam Negara, Perlindungan Pelarian, dan Orang Tak Bernegara

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan untuk bergerak dalam negara, membuat lawatan ke luar negara, emigrasi (penghijrahan), dan repatriasi (penghantaran semula ke negeri asal). Kerajaan umumnya menghormati hak-hak asasi ini, walaupun ada beberapa sekatan yang dikenakan terutamanya di negeri Malaysia timur iaitu Sabah dan Sarawak. Kerjasama kerajaan dengan UNHCR bertambah baik pada tahun itu, dan UNHCR melaporkan mendapat lebih akses kepada pegawai kerajaan. Kerajaan

umumnya tidak menghalang pertubuhan kemanusiaan yang lain dalam menyediakan perlindungan dan bantuan kepada orang tersingkir, pelarian, pelarian yang kembali, pemohon suaka, orang tak bernegara, dan orang lain yang dibimbangi. Namun terdapat satu pengecualian yang menonjol apabila kerajaan gagal untuk membenarkan UNHCR menilai dakwaan 11 etnik Uighur sebelum mereka dihantar pulang pada 18 Ogos.

Pergerakan Dalam Negara: Negeri-negeri di timur iaitu Sabah dan Sarawak mengawal imigresen dan rakyat dari Semenanjung Malaysia dan orang asing yang perlu menunjukkan pasport atau kad pengenalan negara untuk masuk, selaras dengan perjanjian Sabah dan Sarawak menjadi sebahagian daripada Malaysia pada tahun 1963. Pada 29 September, aktivis hak asasi manusia dan warganegara Malaysia, Haris Ibrahim telah dilarang memasuki Sarawak. Dia dan aktivis masyarakat sivil yang lain sebelum ini telah dihalang daripada memasuki negeri itu pada bulan April semasa pilihan raya negeri Sarawak. Kerajaan mengawal pergerakan di dalam negeri tahanan ISA yang telah dibebaskan dengan bersyarat. Pihak kerajaan juga menggunakan Akta Kediaman Terhad, yang telah dimansuhkan pada 30 Disember, untuk menghadkan pergerakan orang yang disyaki terlibat dalam beberapa kegiatan jenayah.

Perjalanan Luar Negara: Rakyat mesti memohon kebenaran kerajaan untuk lawatan ke negara Israel.

Dibuang Negara: Perlembagaan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun warganegara yang boleh dibuang negeri atau disisih dari negara ini. Walau bagaimanapun, dua orang warganegara terkenal kekal dalam buangan pada akhir tahun. Chin Peng, bekas pemimpin pemberontakan komunis, terus tinggal di Thailand kerana dia gagal atau enggan untuk memenuhi keputusan mahkamah yang menuntut dia menunjukkan dokumen pengenalan diri bagi membuktikan kewarganegaraannya. Penulis blog yang bersifat pemberontak Raja Petra Kamarudin kekal dalam buangan sendiri di London, dan mengisytiharkan dia akan kembali ke negara ini bagi menghadapi tuduhan hasutan apabila dia yakin dia tidak akan ditahan di bawah ISA.

Akta Buang Negeri, yang memperuntukkan buang negeri bagi bukan warganegara dan yang tidak digunakan selama lebih daripada 30 tahun, telah dimansuhkan pada 30 Disember. Pengusiran bukan warganegara terus dilaksanakan di bawah Akta Imigresen.

Perlindungan Pelarian

Akses kepada Suaka: Undang-undang negara tidak memberikan peruntukan bagi pemberian suaka atau status pelarian, dan kerajaan tidak mewujudkan satu sistem bagi pemberian perlindungan kepada pelarian. Kerajaan tidak memberikan perlindungan undang-undang terhadap tindakan mengusir atau menghantar balik pelarian ke negara-negara di mana nyawa atau kebebasan mereka boleh diancam disebabkan ras, agama, kerakyatan, keanggotaan dalam kelompok sosial tertentu, atau pandangan politik. Pada masa yang sama, kerajaan umumnya bekerjasama dengan UNHCR dan tidak mengusir individu yang berdaftar sebagai pelarian atau orang yang menjadi kebimbangan oleh UNHCR dan yang

sedang diproses bagi penempatan semula ke negara ketiga. Kerajaan kadangkala melaporkan orang yang berpotensi menjadi kebimbangan kepada UNHCR.

Kebanyakan pemohon suaka pergi ke Kuala Lumpur untuk keputusan penentuan kerana UNHCR tidak mempunyai pejabat di sempadan negara. Pada tahun 2009 dan awal tahun 2010, UNHCR melakukan pendaftaran bergerak di kawasan yang mempunyai kepadatan tinggi pelarian. Sehingga 31 Disember, UNHCR melaporkan 96,691 orang sebagai pemohon suaka dan pelarian, kira-kira 93 peratus daripada mereka adalah rakyat Burma dengan bangsa Chin dan Rohingya merupakan kumpulan yang paling banyak, serta jumlah yang agak besar terdiri daripada kumpulan Kachin, Karen dan Mon. Menurut UNHCR, negara ini juga menjadi tuan rumah kepada kira-kira 80,000 rakyat Filipina di kawasan Sabah, satu peningkatan daripada anggaran sebanyak 60,000 pada tahun 2010. Mereka ini tidak diiktiraf oleh UNHCR atau kerajaan Malaysia sebagai pelarian, tetapi menjadi tanggungjawab kerajaan.

Nonrefoulement: Bermula April 2009, kerajaan memberikan layanan istimewa kepada mereka yang membawa kad UNHCR. Laporan mengenai pengusiran beberapa pelarian dan pemohon suaka yang mempunyai kad pelarian UNHCR oleh kerajaan tidak ada lagi sejak 2009. Kadangkala terdapat laporan yang pelarian perlu memberi rasuah kepada polis untuk mengelakkan daripada ditahan, walaupun mereka membawa kad UNHCR, terus berlaku.

Pada 18 Ogos, kerajaan menghantar pulang 11 individu etnik Uighur ke China yang telah dinafikan akses kepada UNHCR, yang membawa kepada kutukan yang kuat daripada beberapa kumpulan hak asasi manusia yang bimbang Uighur akan dizalimi, diseksa, atau dibunuh apabila mereka kembali ke negara mereka. Kerajaan menegaskan bahawa mereka ini terlibat dalam rangkaian penyeludupan orang dan negara China telah meminta ekstradisi ke atas mereka. Tiga yang lain, yang telah memohon untuk status pelarian dengan UNHCR, telah didakwa memiliki dokumen yang dipalsukan, dibebaskan dengan ikat jamin, dan sedang menunggu perbicaraan pada akhir tahun itu. Dua yang lain dilepaskan tanpa didakwa.

Penganiayaan Pelarian: Kerajaan kadangkala menahan pemohon suaka, sama ada dalam lokap polis atau di pusat tahanan imigresen, sehingga bona fide pencari suaka telah diwujudkan oleh UNHCR. Pertubuhan NGO melaporkan bahawa pusat tahanan adalah terlalu sesak, kotor, dan kekurangan kemudahan perubatan yang mencukupi (lihat seksyen 1.c.). Pada tahun 2010, lapan orang meninggal dunia di pusat tahanan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selepas wabak bakteria yang disebabkan oleh air kencing tikus dalam bekalan air. Sebuah pertubuhan NGO melaporkan bahawa pertubuhan NGO hanya dibenarkan untuk melawat dua daripada 11 pusat tahanan di negara ini.

Tidak seperti pada tahun-tahun sebelumnya, tidak ada tuduhan daripada pertubuhan NGO, organisasi antarabangsa, dan kumpulan masyarakat sivil yang pegawai imigresen telah terlibat dalam pemerdagangan pelarian Burma dari PTI ke Thailand, di mana sesetengah mereka didagangkan lagi.

Pertubuhan NGO dan pertubuhan antarabangsa melaporkan bahawa tuduhan penyalahgunaan kuasa oleh RELA telah menurun sejak bulan 2009. Pada 25 Jun, ketua pengarah RELA yang baru dilantik, Datuk Mustafa Ibrahim, mengumumkan bahawa RELA telah menghentikan semua operasi penguatkuasaan

terhadap pekerja asing tanpa izin kecuali dijemput oleh pihak berkuasa penguatkuasaan imigresen atau undang-undang.

Menurut pertubuhan NGO tempatan dan pertubuhan antarabangsa, PTI mengizinkan mereka dengan dokumen UNHCR akses ke UNHCR ketika dalam tahanan. Pelarian dengan kad UNHCR kadangkala ditahan ketika serbuan yang dijalankan untuk menangkap pendatang haram tetapi dibebaskan selepas pihak berkuasa berpuas hati dengan dokumen mereka. Sejak tahun 2009, kerajaan juga memberikan akses kepada pelarian tanpa kad pendaftaran UNHCR dan semua tahanan rakyat Burma di PTI untuk mengesahkan sama ada mereka pemohon suaka.

Pekerjaan: Walaupun mereka dibenarkan bekerja secara sah, kerajaan biasanya tidak mengganggu pelarian berdaftar yang melakukan kerja rencam. Pada tahun itu, tiada apa-apa pengumuman rasmi mengenai perbincangan tentang membenarkan pelarian bekerja. Kerajaan mencatatkan 2.3 juta pekerja asing yang mempunyai dokumen sah dan yang tidak mempunyai dokumen di bawah program pendaftaran pendatang "6P" yang bermula 23 Ogos dan kemudiannya mengumumkan rancangan untuk program yang berasingan bagi pendaftaran pelarian, dengan kerjasama UNHCR, yang dijadualkan akan dilaksanakan pada awal tahun 2012.

Akses ke Perkhidmatan Asas: Kerajaan menyediakan akses ke penjagaan kesihatan bagi pelarian dengan kad UNHCR pada kadar diskaun warga asing; namun, kos secara umumnya berada di luar kemampuan mereka. Klinik bergerak yang dikendalikan oleh pertubuhan NGO boleh didapati tetapi mempunyai akses yang terbatas. Pelarian tidak mempunyai akses ke pendidikan formal, dan walaupun terdapat sekolah yang dikendalikan oleh NGO dan komuniti etnik, peluang untuk persekolahan terhad disebabkan kekurangan sumber dan guru yang berkecukupan. Sepanjang tahun itu, kakitangan UNHCR telah melakukan banyak lawatan ke pelbagai penjara dan PTI di seluruh negara untuk memberikan kaunseling dan bantuan kepada mereka yang memerlukan perlindungan dan memastikan mempunyai wakil guaman.

Orang Tak Bernegara

Kewarganegaraan diperoleh daripada ibu bapa seseorang. Kewarganegaraan salah seorang atau kedua-dua ibu bapa, sama ada ibu bapa berkahwin secara sah, dan keupayaan untuk menunjukkan pengenalan diri yang sah dan bukti kewarganegaraan adalah kriteria utama untuk memberikan kewarganegaraan kepada kanak-kanak. UNHCR menganggarkan bahawa terdapat 40,000 individu tak bernegara di Semenanjung Malaysia sahaja, di samping kira-kira 83,000 pelarian dan 12,000 pemohon suaka. Kerajaan Filipina menganggarkan bahawa terdapat 30,000 kanak-kanak pekerja tanpa izin Filipina di Sabah.

Wanita asing selalunya layak mendapatkan status penduduk tetap (PR) selepas lima tahun berkahwin dengan warganegara (10 tahun untuk lelaki asing). Selepas dua tahun berstatus PR, mereka layak untuk memohon kewarganegaraan. Sementara menunggu status PR, pasangan warga asing biasanya diberikan visa untuk membolehkan mereka memanjangkan tempoh tinggal secara sah di negara ini. Satu kumpulan pejuang tempatan untuk pekerja asing melaporkan bahawa dalam tempoh lima atau enam tahun yang lalu, proses ini telah diperbaiki untuk memasukkan masa menunggu yang lebih pendek

dalam memproses petisyen dan visa PR. Walaupun undang-undang kewarganegaraan di negara ini tidak secara terang-terangan mendiskriminasi atas dasar jantina, etnik, atau agama, beberapa ketidakseragaman dalam penggunaan adalah jelas. Pelarian berada dalam sesuatu keadaan yang tidak menguntungkan kerana mereka sering tidak dapat menyediakan dokumen yang sah untuk membuktikan kewarganegaraan di negara asal mereka.

Wanita boleh menurunkan kewarganegaraan mereka kepada anak-anak mereka yang lahir di Malaysia, tidak kira sama ada kanak-kanak itu dilahirkan secara sah atau di luar nikah, tetapi lelaki Malaysia boleh menurunkan kewarganegaraan mereka kepada anak-anak mereka hanya jika kanak-kanak itu dilahirkan secara sah. Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara, secara sah, daripada bapa yang merupakan warganegara dan ibu yang merupakan warganegara atau warga asing boleh didaftarkan sebagai warganegara Malaysia. Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara secara sah daripada ibu yang merupakan warganegara dan bapa yang merupakan warga asing secara tradisinya dianggap mewarisi kewarganegaraan bapa. Pada tahun 2010, Menteri Dalam Negeri, Hishammuddin mengumumkan bahawa kanak-kanak itu boleh didaftarkan sebagai warganegara, dengan syarat mereka memenuhi syarat tertentu, tetapi ia tidak jelas sama ada ini prosedur yang dikemas kini ini telah dilaksanakan.

Anak yang dilahirkan di luar nikah daripada wanita warga asing dianggap oleh pihak berkuasa Malaysia telah mewarisi kewarganegaraan ibu mereka. Kelahiran seperti ini boleh didaftarkan hanya apabila dikemukakan bukti sah kewarganegaraan. Ini mewujudkan risiko tak bernegara kerana ramai wanita warga asing tidak dapat mengemukakan bukti sah kewarganegaraan, seperti pasport. Menurut UNHCR, terdapat banyak kes di mana pelarian atau pemohon suaka tidak mempunyai bukti sah kewarganegaraan. Dalam kes-kes ini kewarganegaraan kanak-kanak disenaraikan sebagai "tidak diketahui" pada sijil kelahiran mereka. UNHCR tidak mempunyai data yang kukuh bagi bilangan kanak-kanak yang terjejas oleh isu ini tetapi dianggarkan bahawa ia adalah masalah yang meluas dalam kalangan populasi di mana mereka berkhidmat. Kanak-kanak tanpa dokumen ini tidak dapat menghadiri sekolah kerajaan atau mendapat perkhidmatan lain yang memerlukan bukti pengenalan atau kewarganegaraan.

Sesetengah pelarian dan pemohon suaka berkahwin dengan lelaki Malaysia. Walaupun anak-anak mereka dilahirkan di Malaysia layak mendapat kewarganegaraan, wanita itu mungkin mempunyai masalah untuk mendaftarkan perkahwinan dan kemudiannya kewarganegaraan kanak-kanak kerana ketidakupayaan untuk menyediakan pasport atau dokumen pengenalan yang sah. Sesetengah pemerhati mengatakan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan oleh pelarian dan pemohon suaka beragama Islam selalunya lebih mudah mendapat kewarganegaraan daripada pelarian dan pemohon suaka bukan Islam. Bagi perkahwinan orang Islam, dokumen UNHCR atau dokumentasi lain boleh diterima sebagai ganti pasport.

Beberapa NGO tempatan dan SUHAKAM giat menjalankan penyelidikan, mengendalikan bengkel, dan menjalankan kempen kesedaran awam dalam isu kanak-kanak tak bernegara.

Individu tanpa bukti kewarganegaraan tidak dapat menghadiri sekolah, akses ke perkhidmatan kerajaan seperti penjagaan kesihatan yang lebih murah, atau memiliki hartanah sendiri. Individu tak bernegara

secara teknikalnya tidak mempunyai hak untuk bekerja di negara ini, tetapi ramai yang dapat mencari kerja rencam. UNHCR boleh menyediakan pendaftaran kelahiran atau dokumen lain dalam kes-kes tertentu.

Mengikut undang-undang, sesiapa yang memasuki negara tanpa dokumen yang sesuai dianggap pendatang haram dan menghadapi hukuman penjara mandatori maksimum lima tahun, denda tidak melebihi RM10,000, atau kedua-duanya sekali, dan mandatori sebat tidak melebihi enam sebatan.

Seksyen 3. Menghormati Hak Politik: Hak Rakyat Untuk Menukar Kerajaan

Undang-undang memperuntukkan hak kepada rakyat untuk menukar kerajaan mereka secara aman, dan rakyat secara formal melaksanakan hak ini dari segi amalan melalui pilihan raya berkala berdasarkan hak mengundi sejagat. Namun, walaupun jumlah undi dikira dengan tepat, terdapat beberapa perkara tidak menurut peraturan yang menjejaskan keadilan pilihan raya, dan secara praktisnya, hak ini dibatasi. Saiz kawasan pilihan raya berbeza dengan kawasan luar bandar secara umumnya lebih kecil penduduknya dari kawasan bandar. Ini memberi kesan undi luar bandar yang tidak seimbang dan terlebih peratusan, yang daripada segi sejarah kebanyakan pengundinya adalah menyokong parti pemerintah.

Pilihan Raya dan Penyertaan Politik

Pilihan Raya Terkini: Dalam pilihan raya umum 2008 parti pembangkang memenangi 49 peratus undi popular, 82 daripada 222 kerusi Parlimen, 198 daripada 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), dan memerintah lima daripada 13 kerajaan negeri. Kejayaan pilihan raya parti pembangkang untuk kali pertama sejak 1969 menafikan parti pemerintah majoriti dua pertiga di Parlimen dan dengan itu menyekat keupayaan kerajaan untuk meminda perlembagaan sesuka hati. Pertambahan ini diperoleh walaupun pada hakikatnya parti-parti pembangkang tidak dapat bersaing secara adil dengan Barisan Nasional, yang diterajui oleh parti UMNO, yang telah memegang kuasa di peringkat kebangsaan sejak kemerdekaan pada tahun 1957, kerana sekatan terhadap kempen, kebebasan berhimpun dan persatuan, dan akses kepada media. Parti-parti pembangkang memenangi lapan daripada 16 pilihan raya kecil sejak pilihan raya umum 2008.

Bersih 2.0 (lihat seksyen 2.b.) giat berkempen untuk pembaharuan pilihan raya. Tuntutan utamanya termasuk pembersihan daftar pemilih, pembaharuan undi pos, penggunaan dakwat kekal untuk mengurangkan masalah pengundi "hantu" dan tempoh kempen yang lebih panjang. Satu jawatankuasa Parlimen mengenai pembaharuan sistem pilihan raya telah ditubuhkan berkuat kuasa 3 Oktober, dan membentangkan laporan interim pada 1 Disember. Antara 10 cadangan jawatankuasa itu adalah penggunaan dakwat kekal, pelaksanaan pengundian awal untuk kakitangan keselamatan dan angkatan tentera, undi pos kepada warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara, kebenaran mengundi di luar kawasan, membersihkan daftar pemilih, dan mengukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memastikan kebebasannya. Pada 19 Disember, Pengerusi SPR Abdul Aziz Mohd Yusof mengumumkan bahawa SPR telah bersetuju untuk melaksanakan tujuh daripada 10 cadangan suruhanjaya itu sebelum pilihan raya umum akan datang, termasuk penggunaan dakwat kekal. Bersih 2.0 mengalu-alukan pengumuman itu tetapi juga mengkritiknya sebagai tidak lengkap.

Parti Politik: Parti pembangkang tidak dapat bersaing sama tara dengan kerajaan perikatan Barisan Nasional, yang telah memegang kuasa di peringkat persekutuan sejak tahun 1957, dan tidak dapat beroperasi tanpa sekatan atau campur tangan luar. Ketiadaan akses yang sama rata kepada media merupakan salah satu masalah yang paling serius dihadapi oleh pembangkang semasa pilihan raya umum tahun 2008 dan pilihan raya kecil berikutnya. Berita tentang pembangkang dihadkan dan dilaporkan secara berat sebelah. Pemimpin parti pembangkang juga mendakwa bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya berada di bawah kawalan kerajaan dan tidak mempunyai kebebasan untuk menjalankan tugas secara adil. Terdapat banyak aduan pembangkang mengenai perkara yang tidak mengikut peraturan oleh pegawai pilihan raya semasa kempen pilihan raya umum 2008. Namun, kebanyakan pemerhati membuat kesimpulan bahawa ia tidak banyak mengubah keputusan. Pada tahun itu, pertubuhan NGO dan pemimpin parti pembangkang terus membuat tuduhan mengenai pengundi "hantu" yang didaftar secara haram, yang dikatakan telah dibawa masuk dari kawasan lain untuk mengundi di kawasan yang menghadapi persaingan sengit; daftar pengundi yang jauh lebih tinggi; pengundi tidak berdaftar yang menggunakan nama rekaan atau nama pengundi meninggal dunia yang masih tersenarai di daftar pengundi dan penduduk bukan warganegara yang didaftarkan menjadi pengundi.

Perlembagaan menyatakan bahawa kawasan parlimen harus mempunyai bilangan pengundi layak yang hampir sama; Walau bagaimanapun, daripada segi amalan jumlahnya berbeza dengan ketara, terutamanya di antara kawasan bandar dan luar bandar. Data terkini yang disiarkan (untuk pilihan raya umum 2008) menunjukkan bahawa kawasan Putrajaya mempunyai 6,606 pengundi, manakala di kawasan bandar Kuala Lumpur di kawasan Seputih mempunyai 76,891 pengundi. Di Gopeng, Perak, bilangan pengundinya ialah 74,344 orang berbanding di Lenggong yang mempunyai 23,223 orang pengundi. Setiap satu kawasan pengundian ini mempunyai seorang ahli parlimen.

Tahun demi tahun, kuasa semakin tertumpu pada Perdana Menteri, dan fungsi Parlimen sebagai badan perbincangan telah merosot. Parlimen jarang sekali meminda atau menolak undang-undang yang dicadangkan oleh kerajaan dan tidak memberikan pertimbangan yang serius terhadap cadangan undang-undang yang dikemukakan oleh pembangkang. Prosedur parlimen memberi kuasa kepada Speaker parlimen untuk menggantung ahli parlimen, menyekatnya daripada bertanya soalan, menyunting ucapan bertulis ahli parlimen sebelum disampaikan, dan banyak mengehadkan peluang ahli parlimen untuk menyoal dan membahaskan dasar-dasar kerajaan. Dengan meningkatnya bilangan ahli parlimen pihak pembangkang sejak tahun 2008, pegawai kerajaan sering menghadapi soalan yang tajam di Parlimen, dan pihak akhbar membuat liputan secara lebih terperinci berbanding sebelum ini.

Di bawah Akta Kerajaan Tempatan, pemilihan pegawai awam hanya terhad pada Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Persekutuan. Semua pegawai kerajaan tempatan dan perbandaran telah dilantik oleh kerajaan pusat sejak rusuhan kaum tahun 1969. Beberapa ahli politik dan aktivis NGO mengesyorkan agar diperkenalkan semula pilihan raya bagi kerajaan tempatan.

Tokoh pembangkang di Parlimen pada tahun-tahun sebelumnya telah digantung daripada Parlimen dari semasa ke semasa atas sebab-sebab seperti membuat kenyataan mengelirukan kepada Parlimen dan penghinaan yang disebabkan oleh tentangan mereka atas penggantungan ahli lain.

Penyertaan Wanita dan Minoriti: Wanita tidak menghadapi sekatan undang-undang mengenai penyertaan dalam kerajaan dan politik. Sehingga Disember dua daripada 32 menteri kabinet adalah wanita. Wanita memegang 22 daripada 222 kerusi di Dewan Rakyat dan 13 daripada 65 kerusi di Dewan Negara.

Daripada segi amalan, dominasi politik oleh bangsa Melayu bererti orang Melayu memegang jawatan pemimpin kanan yang paling berkuasa. Bukan Melayu mengisi 12 daripada 29 jawatan menteri dan 21 daripada 40 jawatan timbalan menteri.

Seksyen 4. Rasuah dan Ketelusan Kerajaan

Undang-undang mengenakan hukuman jenayah terhadap pegawai kerajaan yang terlibat dalam rasuah. Namun, kerajaan gagal melaksanakan undang-undang tersebut secara berkesan dan pegawai kerajaan kerap terlibat dalam amalan rasuah tanpa dikenakan sebarang hukuman.

Media melaporkan beberapa dakwaan kes rasuah oleh pegawai kerajaan. Secara umumnya, orang ramai beranggapan bahawa rasuah dan kronisme diamalkan secara meluas oleh parti pemerintah dan institusi kerajaan. Pada 13 Jun, akhbar *The Star* melaporkan bahawa SPRM telah menahan 442 orang dari April 2010 hingga Mac 2011 atas percubaan untuk merasuah pegawai penguat kuasa. Pada 23 Ogos, SPRM melaporkan bahawa ia telah menahan 46 orang di Pulau Pinang dari Januari hingga Julai, dengan 20 daripada mereka disyaki menerima rasuah. Pada 27 Jun, SPRM melaporkan bahawa ia telah membuat 944 tangkapan pada tahun 2010, iaitu peningkatan 88.8 peratus berbanding tahun 2009.

Pada 23 Disember, Mahkamah Tinggi mendapati Mohamed Khir Toyo, bekas Menteri Besar Selangor dari parti UMNO, bersalah melakukan rasuah bagi mendapatkan dua plot tanah secara haram untuk dirinya dan isteri.

Pada 21 September, Ketua Polis Negara Ismail Omar mengesahkan penahanan tiga pegawai kanan SPRM berkaitan dengan pemerasan RM1 juta dan kes rompakan.

Pada 15 September, Mahkamah Sesyen Putrajaya memindahkan kes bekas Menteri Pengangkutan Chan Kong Choy ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Sebagai seorang anggota kabinet bekas Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi, Chan didakwa memperdayakan Abdullah untuk meluluskan Kuala Dimensi Sdn Bhd sebagai pemaju projek siap guna untuk projek hab mega penghantaran rentas Zon Bebas Pelabuhan Klang. Menteri terdahulu daripada Chan juga didakwa dengan penipuan, dan empat tokoh lain telah didakwa dengan pelbagai kesalahan untuk penglibatan mereka dalam projek ini, termasuk jenayah pecah amanah dan tuntutan palsu. Semua kes masih belum selesai pada akhir tahun itu.

SPRM bertanggungjawab untuk menyiasat dan mendakwa kesalahan rasuah dalam badan swasta dan awam. Pegawai kerajaan yang enggan atau gagal mengisytiharkan aset mereka akan dikenakan tindakan disiplin dan hilang kelayakan untuk kenaikan pangkat.

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 digubal untuk melindungi individu yang mendedahkan maklumat mengenai amalan rasuah dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Akta itu menyatakan

bahawa sesiapa yang mempunyai bukti seseorang telah melakukan amalan atau perbuatan rasuah, atau kegiatan penipuan boleh memfailkan aduan terhadap individu itu dan merujuk kes itu ke mahkamah. Pemberi maklumat itu akan diberikan kekebalan daripada dakwaan sivil atau jenayah.

Akta Rahsia Rasmi melarang penyebaran maklumat rahsia. Akta ini merangkumi dokumen mengenai keselamatan negara, pertahanan, dan hubungan antarabangsa. Namun, pengkritik menuduh kerajaan menggunakan akta ini untuk mencegah penyebaran maklumat dan menyekat perbezaan pendapat. Setiap ahli Parlimen dibenarkan untuk meminta dan memperoleh maklumat tersebut secara ad hoc, yang kemudiannya disiarkan kepada orang ramai.

Pada 1 April, Dewan Undangan Negeri Selangor yang dikawal pembangkang meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor, yang apabila dilaksanakan pada tahun 2012 bertujuan untuk memberikan orang ramai akses ke dokumen tertentu kerajaan negeri. Ini adalah undang-undang pertama bagi jenis ini di negara ini.

Seksyen 5. Sikap Kerajaan Terhadap Siasatan Antarabangsa dan Bukan Kerajaan Mengenai Tuduhan Pencabulan Hak Asasi Manusia

Beberapa kumpulan hak asasi manusia tempatan dan antarabangsa umumnya dapat beroperasi tanpa sekatan kerajaan dan mampu menjalankan penyiasatan serta menyiarkan penemuan mereka berkaitan kes-kes hak asasi manusia. Dalam sesetengah kes, pegawai kerajaan agak bersedia memberikan kerjasama dan responsif terhadap pandangan mereka.

Kerajaan membenarkan pertubuhan NGO untuk berfungsi secara bebas, bertemu dengan wakil dari NGO dan menjawab beberapa permintaan NGO. Kerajaan juga menyekat beberapa liputan positif mengenai media NGO yang memberikan pandangan yang bertentangan dengan parti pemerintah dan telah mengambil beberapa tindakan terhadap beberapa pemimpin NGO. Contohnya, kerajaan menahan beberapa pemimpin NGO yang berkaitan dengan perhimpunan yang dirancang untuk pembaharuan sistem pilihan raya pada bulan Julai (lihat seksyen 2.b.), dan kerajaan negeri Sarawak telah menghalang beberapa pemimpin NGO masuk ke Sarawak berkaitan dengan pilihan raya negeri pada bulan April. Laporan tahun 2010 Amnesty International bertajuk *Dianiaya dan Ditinggalkan: Pelarian Dinafikan Hak di Malaysia* menyatakan bahawa ia telah diberikan akses seluas-luasnya yang tidak pernah berlaku sebelum ini ke dalam 3 PTI di dalam dan di sekitar Kuala Lumpur. Wakil UNHCR dan anggota kor diplomatik juga menyatakan kesediaan kerajaan yang semakin meningkat untuk membenarkan lawatan ke pusat tahanan dan perlindungan pemerdagangan.

Kerajaan persekutuan menafikan beberapa peguam dan aktivis hak asasi manusia daripada memasuki negara, sementara kerajaan negeri Sarawak juga menghalang beberapa aktivis dalam negeri daripada memasuki Sarawak. Sebagai contoh, pada 22 Julai, peguam Perancis, William Bourdon, telah ditahan apabila tiba di Kuala Lumpur melalui penerbangan domestik dari Pulau Pinang, di mana beliau telah memberikan ucapan pada malam sebelumnya mengenai dakwaan rasuah yang berkaitan dengan penjualan kapal selam "Scorpene" oleh sebuah syarikat Perancis, dan dia kemudian dihantar pulang.

PBB dan Badan Antarabangsa Lain: Kerajaan bekerjasama dengan beberapa organisasi antarabangsa pada tahun itu. Di samping kerjasama yang lebih baik dengan UNHCR seperti yang dinyatakan di atas, Pertubuhan Antarabangsa bagi Migrasi (IOM) bekerja dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat untuk projek-projek seperti akademi latihan antarabangsa di Pulau Langkawi dan kajian semula undang-undang anti-pemerdagangan orang. Kerajaan juga bekerja dengan IOM untuk menilai pusat perlindungan mangsa pemerdagangan.

Badan Hak Asasi Manusia Kerajaan: SUHAKAM telah diwujudkan oleh satu Akta Parlimen dan diketuai oleh seorang pengerusi dan pesuruhjaya yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agung atas syor Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. SUHAKAM lazimnya dianggap sebagai pihak pemantau yang boleh dipercayai dari beberapa aspek hak asasi manusia. SUHAKAM menjalankan latihan dan penyiasatan serta menyediakan laporan dan cadangan kepada kerajaan. SUHAKAM tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat dakwaan yang berkaitan dengan kes-kes yang sedang dibicarakan di mahkamah dan mesti menghentikan penyiasatannya jika tuduhan yang disiasat menjadi subjek kes mahkamah.

Pesuruhjaya SUHAKAM mengembara di seluruh negara untuk mendidik pemimpin masyarakat, termasuk pegawai polis, tentang pentingnya hak asasi manusia. Pesuruhjaya juga melakukan beberapa lawatan ke penjara-penjara di seluruh negara untuk memantau keadaan penjara. Mereka berkali-kali mengatakan tindak balas pihak kerajaan yang lambat terhadap laporan mereka yang menyentuh tentang kebebasan asas.

Seksyen 6. Diskriminasi, Penganiayaan Masyarakat dan Pemerdagangan Orang

Perlembagaan memperuntukkan perlindungan yang sama di bawah undang-undang dan melarang diskriminasi terhadap rakyat berdasarkan jantina, agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir. Undang-undang tidak mengatakan apa-apa tentang diskriminasi yang berlandaskan ketidakupayaan. Namun, perlembagaan juga memperuntukkan “kedudukan istimewa” kepada orang Melayu dan penduduk peribumi di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak (secara kolektifnya dikenali sebagai bumiputera) dan diskriminasi berdasarkan peruntukan ini masih berlaku. Salah satu syarat untuk dianggap sebagai etnik Melayu ialah boleh bercakap dalam bahasa Melayu.

Wanita

Rogol dan Keganasan Rumah Tangga: Rogol, termasuk rogol perkahwinan, adalah satu kesalahan jenayah, seperti kebanyakan bentuk keganasan rumah tangga. Kanun keseksaan menyatakan bahawa perogol boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 30 tahun, sebat, dan denda. Rogol perkahwinan tidak mempunyai penalti minimum, tetapi hukuman maksimum penjara 5 tahun. Tidak ada hukuman penjara minimum bagi lelaki yang disabitkan rogol statutori seorang gadis berumur 15 tahun atau kurang. Kerajaan menguatkuasakan undang-undang ini dengan berkesan. Pada 19 Mei, *Malay Mail* melaporkan statistik rogol yang dikeluarkan oleh PDRM:

Pada tahun 2010, terdapat 3,595 laporan polis yang dibuat oleh mangsa rogol, berbanding 3,626 pada tahun 2009. Daripada kes yang dilaporkan pada tahun 2010, polis telah menahan 5,068 suspek. Tidak

seperti pada tahun-tahun sebelumnya, pihak polis tidak mengumumkan laporan bilangan yang didakwa, disabitkan dan dihukum atas tuduhan rogol.

Pada tahun 2009 Mahkamah Sesyen di Negeri Pahang telah menjatuhkan hukuman penjara maksimum lima tahun kepada seorang lelaki, dalam apa yang dipercayai sebagai pendakwaan pertama rogol perkahwinan yang berjaya di bawah undang-undang selepas ia dipinda pada tahun 2007 untuk mengharamkan rogol perkahwinan. Tiada laporan pendakwaan seperti itu pada tahun 2010 atau 2011.

Malay Mail melaporkan 3,171 kes keganasan domestik berbanding dengan 3,643 pada tahun 2009, dan 413 kes sumbang mahram berbanding dengan 385 pada tahun 2009. Seperti dalam kes rogol, pihak polis tidak melaporkan data mengenai dakwaan, sabitan dan hukuman bagi kes-kes keganasan rumah tangga. Kebanyakan hospital kerajaan menyediakan pusat krisis bagi mangsa rogol dan penderaan rumah tangga untuk membuat laporan tanpa pergi ke balai polis. Pertubuhan NGO dan parti politik juga memberi kerjasama dalam menyediakan kaunseling kepada mangsa rogol, tetapi sikap budaya dan tanggapan kurang simpati daripada pasukan polis yang sebahagian besarnya lelaki menyebabkan ramai dalam kalangan mangsa tidak melaporkan kes rogol. Sebuah NGO wanita terkemuka menganggarkan bahawa hanya 10 peratus daripada kes rogol telah dilaporkan kepada polis. Pertubuhan wanita mendakwa bahawa mahkamah tidak konsisten dalam menghukum perogol.

Walaupun kerajaan, pertubuhan NGO, dan parti politik menyediakan pusat perlindungan dan bantuan lain kepada wanita yang didera suaminya, namun aktivis tetap mendakwa bahawa mekanisme sokongan bagi mangsa keganasan rumah tangga masih tidak mencukupi. Polis menubuhkan unit siasatan jenayah seks di setiap ibu pejabat polis untuk membantu mangsa jenayah dan penderaan seks. Bagi membantu mengatasi keengganan mangsa jenayah seksual untuk melaporkan jenayah dan menerangkan dengan terperinci apa yang mereka alami, pihak polis mula menggunakan proses lakonan semula, yang membolehkan polis untuk mendapatkan maklumat dengan meminta mangsa untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan peristiwa-peristiwa yang digambarkan dalam lakonan semula. Di samping itu, polis kadangkala memberikan tugas kepada ahli psikologi atau kaunselor untuk memberi sokongan emosi. Aktivis hak asasi wanita mendakwa bahawa pihak polis perlu menjalani latihan tambahan bagi mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga dan rogol.

Sesetengah pakar undang-undang syariah menggesa wanita Islam supaya lebih peka dengan peruntukan undang-undang syariah yang melarang penderaan isteri serta membenarkan perceraian atas dasar penganiayaan fizikal. Namun, peruntukan dalam undang-undang syariah negeri umumnya melarang isteri daripada menderhaka "perintah sah" suaminya dan ini menghalang wanita daripada membuat tuntutan terhadap suami mereka di mahkamah syariah. Wanita Islam boleh memfailkan aduan di mahkamah sivil.

Laporan kes rogol dan penganiayaan isteri telah menarik perhatian kerajaan, pertubuhan NGO, dan akhbar. Di Bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, sesiapa yang sengaja melanggar perintah perlindungan mahkamah dengan melakukan keganasan terhadap orang yang dilindungi boleh dihukum penjara sehingga setahun dan didenda sehingga RM2,000. Dalam kes-kes teruk yang melibatkan "kecederaan parah" akibat penggunaan senjata berbahaya, tempoh maksimum penjara dipanjangkan

hingga 20 tahun. Pertubuhan wanita terus mengkritik akta itu sebagai tidak memadai dan meminta supaya pindaan dibuat untuk mengukuhkannya. Pada pendapat mereka, akta tersebut tidak melindungi wanita dalam keadaan cemas kerana akta ini memerlukan dua aduan penganiayaan yang dikemukakan secara berasingan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan polis, menyebabkan kelambatan proses pengeluaran perintah sekatan. Kes juga memerlukan tanda bukti berlaku kecederaan fizikal.

Pada bulan Oktober pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga diluluskan yang memperluaskan definisi keganasan rumah tangga termasuk penderaan mental, emosi dan psikologi serta keganasan fizikal. Ia juga membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah perlindungan untuk mencegah pihak ketiga mendera secara fizikal, malah berkomunikasi dengan mangsa keganasan rumah tangga, dan membolehkan polis untuk menangkap pelaku apabila perintah perlindungan dilanggar. Sebuah pertubuhan NGO hak asasi wanita terkemuka, mengalu-alukan pindaan itu, tetapi menyatakan bahawa ia tidak pergi cukup jauh kerana ia tidak meliputi penghendapan dan intimidasi, hanya terpakai pada hubungan perkahwinan, dan tidak menjadikan keganasan rumah tangga suatu kesalahan yang berasingan di bawah kanun keseksaan. Di samping itu, aktivis hak asasi wanita menegaskan bahawa walaupun dengan kelulusan pindaan itu, peruntukannya masih belum dilaksanakan menjelang akhir tahun itu.

Penyunatan terhadap wanita (FGM): Beberapa rencana berita melaporkan bahawa amalan ini semakin popular, malah dalam kalangan wanita dewasa, saudara baru yang memeluk Islam, dan di pusat bandar (lihat kanak-kanak di bawah).

Gangguan Seksual: Undang-undang melarang seseorang yang mempunyai kedudukan daripada menggunakan kedudukannya untuk menakut-nakutkan orang bawahannya supaya melakukan hubungan seksual. Kod etika sukarela kerajaan memberikan definisi terperinci tentang gangguan seksual, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap masalah tersebut. Namun pertubuhan wanita menyarankan satu undang-undang yang berasingan digubal bagi kesalahan gangguan seksual. Persekutuan Majikan Malaysia menentang sebarang cubaan untuk menggubal undang-undang yang melarang gangguan seksual di tempat kerja dengan alasan bahawa dasar kerajaan ini akan menimbulkan sekatan yang keterlaluan dalam pengurusan hubungan pekerja. Seorang peguam yang biasa mengendalikan kes-kes gangguan seksual melaporkan bahawa pihak berkuasa mengambil serius dakwaan gangguan seksual, tetapi mangsa sering kali keberatan untuk melaporkan gangguan seksual kerana kesukaran membuktikan kesalahan, tempoh perbicaraan, dan rasa malu. Sebuah pertubuhan NGO hak wanita melaporkan bahawa kira-kira 500 kes gangguan seksual telah difailkan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari tahun 2000 hingga 2010; bagaimanapun, mengikut statistik yang disediakan oleh kementerian itu, hampir 900 kes telah dilaporkan dari tahun 2000 hingga 2007. Kementerian tidak menghebahkan data setiap tahun sejak tahun 2007.

Hak Reproduksi: Pasangan dan individu mempunyai hak untuk menentukan jumlah, jarak dan masa melahirkan anak mereka. Maklumat mengenai perancangan keluarga mudah didapati daripada sumber kerajaan dan NGO. Pencegahan kehamilan seperti pil kawalan kelahiran dan kondom adalah dibenarkan dan boleh didapati di dalam negara. Anggaran penggunaan pencegahan kehamilan oleh wanita terus

berada pada kira-kira 50 peratus. Sebahagian besar kelahiran dimudahkan oleh pekerja perubatan mahir, dan wanita umumnya mempunyai akses pada penjagaan selepas bersalin. Wanita dan lelaki umumnya mempunyai akses yang sama bagi perkhidmatan diagnostik dan rawatan untuk penyakit jangkitan kelamin, termasuklah HIV. Menurut statistik terkini PBB yang disiarkan, kadar kematian ibu mengandung adalah 31 orang bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2008.

Diskriminasi: Perlembagaan melarang diskriminasi terhadap rakyat berdasarkan jantina. Namun, undang-undang membenarkan poligini yang diamalkan oleh sebilangan kecil lelaki Islam. Undang-undang pewarisan Islam umumnya mengutamakan anak lelaki dan saudara lelaki. Semakin ramai wanita berjaya mendapat perceraian di bawah peruntukan undang-undang syariah yang membenarkan perceraian tanpa izin suami, walaupun bilangannya masih kecil. Wanita bukan Islam tidak tertakluk pada undang-undang syariah tetapi undang-undang sivil dan jenayah. Perlembagaan memberikan lelaki dan wanita hak yang sama untuk mewarisi, memperoleh, memiliki, mengurus, atau melupuskan apa-apa harta, termasuk tanah. Dalam masyarakat Minangkabau yang bersifat sistem kuasa ibu, wanita diutamakan dalam erti kata pemilikan tanah keturunan atau suku diberikan kepada wanita. Akta Penjagaan Wanita dan Kanak-kanak memberikan hak penjagaan yang sama rata kepada ibu. Empat buah negeri telah meluaskan peruntukan akta ini kepada ibu yang beragama Islam, dan pertubuhan wanita menggesa agar negeri-negeri lain turut berbuat demikian.

Kaum wanita mengalami beberapa diskriminasi dalam akses ke pekerjaan. Pada 9 Mac, Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWK) Shahrizat Jalil menyatakan bahawa 47.3 peratus daripada 13.4 juta wanita di negara ini tergolong dalam tenaga buruh. Undang-undang memperuntukkan bahawa wanita berhak mendapat cuti bersalin 90 hari. Sesetengah wanita hamil mengalami diskriminasi pekerjaan. Pada 13 Julai lalu, Mahkamah Tinggi di Shah Alam memutuskan untuk memihak kepada Noorfadilla Ahmad Saikin, yang tawaran pekerjaannya telah ditarik balik apabila majikan mendapat tahu yang dia sedang mengandung. Hakim memetik Konvensyen PBB mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita dan perlembagaan dalam keputusannya bahawa Noorfadilla mempunyai hak untuk dilantik sebagai guru sementara dan bahawa pembatalan penempatan beliau adalah melanggar perlembagaan. Pertubuhan NGO melaporkan bahawa wanita terus didiskriminasi di tempat kerja daripada segi kenaikan pangkat dan gaji. Pada 1 Jun, Menteri Shahrizat mendedahkan statistik kementerian yang menunjukkan bahawa wanita menguasai 32.3 peratus daripada pembuat keputusan dalam sektor awam. Wanita sering kali ditanya mengenai status perkahwinan mereka semasa temu duga mendapatkan pekerjaan. Di Kedah, penghibur wanita hanya dibenarkan membuat persembahan di hadapan penonton wanita. Dasar ini diselar gabungan NGO yang dipanggil Kumpulan Tindakan Bersama bagi Kesaksamaan Gender sebagai pelanggaran hak kesaksamaan gender yang dilindungi oleh perlembagaan.

Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk menggalakkan hak sama rata bagi wanita serta penyertaan penuh dan sama rata wanita dalam pendidikan dan tenaga kerja. Kementerian Wanita terus membangunkan program dan bengkel untuk menggalakkan kaum wanita menyertai komuniti perniagaan dan mengendalikan perusahaan kecil dan sederhana.

Kanak-kanak

Pendaftaran Kelahiran: Kewarganegaraan seseorang berasal daripada ibu bapa (lihat seksyen 2.d.). Ibu bapa mesti mendaftarkan anak mereka dalam masa 14 hari selepas lahir. Pihak berkuasa mewajibkan rakyat supaya mengemukakan sijil perkahwinan dan kad pengenalan MyKad kedua-dua ibu bapa mereka. Bukan warganegara perlu menunjukkan pasport atau dokumen perjalanan. Ibu bapa yang membuat pendaftaran lewat mesti membuktikan bahawa anak itu dilahirkan di negara ini. Pihak berkuasa tidak memasukkan maklumat bapa bagi anak luar nikah kecuali ada permohonan bersama yang dikemukakan oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kepada anak itu. Pihak berkuasa tidak mendaftarkan anak yang dilahirkan oleh pendatang haram atau pemohon suaka. UNHCR akan mendaftar kanak-kanak yang dilahirkan oleh pelarian. Perkahwinan antara orang Islam dengan orang bukan Islam secara rasminya tidak sah. Pasangan yang berkahwin sedemikian menghadapi kesukaran ketika mendaftar kelahiran anak daripada segi mengiktiraf taraf bapa kerana perkahwinan tersebut dianggap tidak sah. Kanak-kanak tanpa sijil kelahiran adalah kanak-kanak tak bernegara dan dinafikan kelayakan untuk masuk ke sekolah kerajaan mahupun swasta. Kanak-kanak tak bernegara (seperti bukan warganegara) dikenakan bayaran perubatan yang lebih tinggi, dan ini menyebabkan kesusahan hidup dalam banyak kes.

Pendidikan: Pendidikan adalah percuma, wajib, dan sejagat sepanjang sekolah rendah (enam tahun). Meskipun pendidikan sekolah rendah diwajibkan, namun tiada mekanisme penguatkuasaan diwujudkan untuk mengawal kehadiran kanak-kanak di sekolah.

Penderaan Kanak-kanak: Bilangan kes penderaan fizikal kanak-kanak meningkat kira-kira 26 peratus, daripada 203 pada tahun 2009 kepada 257 pada tahun 2010. Bilangan ini adalah yang tertinggi direkodkan dalam tempoh lima tahun, mengikut data yang disediakan oleh PDRM kepada *Malay Mail* pada bulan Mei. Penderaan kanak-kanak terdiri daripada pengabaian (kegagalan untuk menyediakan keperluan asas), penderaan fizikal, penderaan seksual, dan meninggalkan bayi. Hukuman bagi penderaan kanak-kanak termasuklah didenda, dipenjara, disebat, atau gabungan daripada hukuman-hukuman ini.

Kerajaan mengakui bahawa eksploitasi seks kanak-kanak dan sumbang muhrim terutama di kawasan luar bandar adalah satu masalah. Undang-undang menetapkan penjara antara enam hingga 20 tahun dan hukuman sebat bagi orang yang disabit dengan kesalahan sumbang muhrim. Keterangan yang diberi oleh kanak-kanak hanya boleh diterima jika ada bukti sokongan. Ini menimbulkan kesukaran bagi kes gangguan seksual apabila mangsa kanak-kanak tersebut adalah satu-satunya saksi.

Amalan Tradisional yang Berbahaya: Tiada undang-undang ke atas penyunatan wanita. FGM dilaporkan menjadi perkara biasa dalam kalangan sesetengah masyarakat Islam Melayu, terutamanya di kampung pedalaman di bahagian utara negara ini. Pada November 2009, portal berita online tempatan Malaysiakini melaporkan bahawa "di Malaysia, penyunatan wanita merujuk pada tindakan membuat goresan kecil atau menggunakan pisau tajam untuk menoreh kulit prepus vagina. Ia biasanya dilakukan ke atas bayi yang lahir beberapa bulan oleh doktor atau bidan."

Perkahwinan Kanak-kanak: Usia minimum perkahwinan untuk lelaki adalah 18 tahun; gadis Islam di bawah usia 16 tahun boleh berkahwin dengan keizinan daripada mahkamah syariah, tetapi perkahwinan seperti itu jarang berlaku. Berdasarkan kejadian saringan HIV sebelum kahwin ke atas kanak-kanak, beberapa pertubuhan NGO menyimpulkan bahawa amalan perkahwinan kanak-kanak diteruskan walaupun kekurangan liputan dalam media.

Eksplotasi Seksual Kanak-kanak: Mana-mana individu yang disabitkan kesalahan pemerdagangan orang yang melibatkan kanak-kanak bagi maksud eksploitasi menghadapi hukuman penjara tiga hingga 20 tahun dan denda. Di bawah kanun keseksaan, umur minimum untuk hubungan seks suka sama suka di Malaysia adalah 16 tahun bagi kedua-dua lelaki dan perempuan, namun, perbuatan homoseksual adalah haram tanpa mengira usia atau persetujuan. Di bawah undang-undang syariah, yang dikenakan hanya kepada orang Islam, hubungan seks di luar nikah adalah haram tanpa mengira umur atau persetujuan.

Undang-undang mengharamkan pornografi tetapi tidak menangani penglibatan kanak-kanak secara khusus.

Rogol statutori berlaku dan pesalah didakwa. Seseorang yang disabitkan rogol statutori boleh menerima hukuman penjara sehingga 30 tahun atau sebatan, atau kedua-duanya sekali. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ramai mangsa berusia di bawah 15 tahun. Namun, peruntukan undang-undang Islam yang menganggap gadis Islam yang sudah datang haid sebagai wanita dewasa ada kalanya merumitkan pendakwaan bagi kes rogol statutori. Gadis itu boleh didakwa berkhawat, iaitu satu kesalahan di bawah undang-undang syariah, walaupun dia belum mencapai usia 18 tahun dan pasangannya seorang dewasa. Mahkamah syariah kadangkala bersikap lebih lembut terhadap lelaki yang didakwa berkhawat, walaupun terdapat banyak kes lelaki Islam telah didakwa dan dihukum atas kesalahan rogol statutori di bawah undang-undang sivil.

Pelacuran kanak-kanak wujud tetapi pelacur kanak-kanak sering kali dianggap sebagai budak jahat atau pendatang haram dan bukan mangsa.

Kanak-kanak Tak Berumah: Sabah mempunyai masalah dengan kanak-kanak jalanan. Dianggarkan terdapat kira-kira beberapa ratus hingga 15,000 kanak-kanak yang dilahirkan di negara ini yang ibu bapa mereka adalah pendatang haram. Ada dalam kalangan mereka yang diusir. Kanak-kanak ini tiada kerakyatan dan tidak mendapat bantuan kerajaan. Mereka kerap kali terpaksa melakukan kerja buruh kasar, kegiatan jenayah, dan pelacuran untuk menyara hidup.

Penculikan Kanak-kanak Antarabangsa: Negara ini bukanlah satu pihak pada Konvensyen Hague mengenai Aspek Sivil tentang Penculikan Kanak-Kanak Antarabangsa 1980. Untuk maklumat, lihat laporan pematuhan oleh Jabatan Negara di http://travel.state.gov/abduction/country/country_3781.html.

Anti-Semistisme

Anggaran penduduk Yahudi di negara ini adalah antara 100 hingga 200 orang. Selain daripada editorial yang sekali-sekala disiarkan dalam akhbar milik kerajaan dan kenyataan oleh penjawat politik semasa

dan lepas, yang cenderung untuk menyalahkan kegiatan masyarakat sivil sebagai "plot Yahudi," tidak ada laporan tindakan anti-Semitik.

Pemerdagangan Orang

Lihat Laporan Pemerdagangan Orang Jabatan Negara di www.state.gov/j/tip.

Orang Kurang Upaya

Perlembagaan mahupun undang-undang tidak melarang secara khusus diskriminasi berlandaskan ketidakupayaan fizikal atau mental. Namun, kerajaan menggalakkan penerimaan dan integrasi orang kurang upaya oleh masyarakat awam.

Kerajaan tidak mendiskriminasi orang kurang upaya daripada segi pekerjaan, pendidikan, akses ke perkhidmatan kesihatan, atau peruntukan perkhidmatan kerajaan yang lain. Peraturan sektor awam memperuntukkan 1 peratus daripada pekerjaan sektor awam kepada orang kurang upaya. Kerajaan tidak mewajibkan penyediaan kemudahan pengangkutan bagi orang kurang upaya. Hanya sebilangan kecil kemudahan awam telah diubahsuai untuk orang kurang upaya. Bangunan baru milik kerajaan secara umumnya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk orang kurang upaya.

Satu peraturan amalan menjadi garis panduan kepada semua agensi kerajaan, majikan, persatuan pekerja, pekerja dan pihak lain bagi menempatkan orang kurang upaya yang berkelayakan dalam sektor swasta.

Sekolah yang menawarkan pendidikan khas wujud namun tidak dapat menampung segala keperluan orang kurang upaya.

Berikutan bantahan oleh orang kurang upaya pada tahun-tahun yang lepas, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penerimaan orang ramai terhadap orang kurang upaya, kemudahan awam kepada orang itu, dan meningkatkan peruntukan bajet bagi program yang disasarkan untuk membantu mereka. Memandangkan kebanyakan pengangkutan awam tidak menyediakan kemudahan yang "mesra orang kurang upaya", kerajaan telah mengekalkan pengurangan duti eksais sebanyak 50 peratus bagi kereta dan motosikal keluaran tempatan yang diubahsuai untuk golongan ini. Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap perlindungan hak asasi orang kurang upaya.

Pada 9 September, Menteri Shahrizat mengumumkan bahawa Kabinet telah meluluskan satu cadangan yang menghendaki semua pihak berkuasa tempatan memasukkan orang kurang upaya dalam jawatankuasa perancangan dan pembangunan. Cadangan itu juga mencadangkan bahawa pihak berkuasa tempatan menubuhkan sebuah unit akses pengauditan bagi tujuan mencadangkan penambahbaikan akses untuk orang seperti ini untuk bangunan dan kemudahan.

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf hak-hak orang kurang upaya untuk menikmati faedah pengangkutan awam, perumahan, pendidikan, pekerjaan dan penjagaan kesihatan. Namun, tidak ada hukuman bagi mereka yang tidak mematuhi peruntukan akta ini. Sebagai contoh, terdapat undang-undang kecil yang mewajibkan bangunan baru menyediakan akses bagi orang kurang upaya. Tetapi

terdapat juga kelemahan yang membenarkan pihak berkuasa tempatan untuk dikecualikan daripada pematuhan. Pengkritik memanggil akta ini sebagai "harimau tak bertaring."

Seorang pejuang terkenal bagi hak orang kurang upaya menunjukkan bahawa kesukaran praktikal terus menenggelamkan kelebihan mana-mana undang-undang atau dasar yang membantu orang kurang upaya. Sebagai contoh, peruntukan 1 peratus bagi pekerjaan di sektor awam sebenarnya tidak diisi, dan bangunan masih kekurangan tandas dan kemudahan lain yang mencukupi. Dia menyifatkan sekolah rendah secara praktikalnya tidak dapat diakses oleh pelajar kurang upaya, yang memerlukan ibu bapa yang berkeupayaan untuk datang ke sekolah untuk membantu anak mereka turun dan naik tangga, memberi mereka makan, dan membawa buku-buku mereka ke kelas. Sesetengah pengangkutan awam dilengkapi dengan tanjakan yang boleh diletakkan secara manual untuk membantu pengunjung kurang upaya, tetapi mereka memerlukan bantuan pemandu dan jarang digunakan. Kerajaan tidak membayar penjaga orang kurang upaya.

Bangsa/Kaum/Etnik Minoriti

Undang-undang dan dasar kerajaan banyak menyediakan program istimewa yang dibuat untuk meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu atau bumiputera yang merupakan penduduk majoriti. Program sedemikian menghadkan peluang untuk bukan bumiputera dalam pendidikan tinggi, pekerjaan kerajaan dan pemilikan perniagaan. Banyak industri tertakluk pada syarat-syarat berasaskan kaum yang mewajibkan tahap pemilikan bumiputera, dan ini menghadkan peluang ekonomi kepada warganegara bukan bumiputera. Menurut kerajaan, program-program ini perlu untuk menjamin keharmonian etnik dan kestabilan politik.

Walaupun matlamat kerajaan adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan, namun dasar-dasar berasaskan kaum ini tidak tertakluk pada batas pendapatan atasan dan ini kelihatan telah menyumbang kepada ketaksamaan ekonomi yang melebar dalam kalangan masyarakat bumiputera. Etnik India, yang tidak menerima hak-hak istimewa seperti itu, kekal menjadi di antara kumpulan termiskin di dalam negara. Satu lagi matlamat dasar ini adalah supaya bumiputera memperoleh 30 peratus daripada kekayaan negara. Mengikut beberapa kajian yang dibuat, program tersebut telah mencapai atau melebihi matlamat tersebut. Namun perangkaan rasmi kerajaan meletakkan ekuiti bumiputera pada 18.9 peratus. Kerajaan tidak memberikan jawapan terhadap permintaan orang awam untuk mendedahkan kaedah yang digunakan.

Pada tahun 2010, Perdana Menteri mengumumkan Model Ekonomi Baru yang dibuat untuk menyusun semula sistem keutamaan etnik bumiputera di negara ini bagi mengurangkan layanan tidak sama rata etnik-etnik yang berbeza oleh kerajaan dan sasaran subsidi yang lebih baik dengan keutamaan kepada rakyat termiskin, tanpa mengira kaum. Kumpulan hak bumiputera konservatif menyatakan bantahan yang kuat terhadap sebarang perubahan yang boleh mengancam program yang memberi keutamaan kepada bangsa Melayu. Pada 8 Februari, Perdana Menteri Datuk Seri Najib melancarkan Unit Peneraju Agenda Bumiputra (Teraju) untuk memperkukuhkan lagi agenda pembangunan bumiputera dan meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang ekonomi. Pengkritik menyuarakan kebimbangan bahawa Teraju akan melemahkan Model Ekonomi Baru dan gagal memberi tumpuan pada dasar-dasar

tindakan afirmatif berasaskan merit. Kerajaan mendakwa bahawa ia adalah perlu kerana ekuiti bumiputera dalam ekonomi masih rendah.

Penduduk Peribumi

Penduduk peribumi (keturunan penduduk asal Semenanjung Malaysia dan Borneo seperti kaum Penan) umumnya menikmati hak perlembagaan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain. Walau bagaimanapun, dari segi amalannya undang-undang persekutuan berkaitan penduduk peribumi di semenanjung, dikenali sebagai Orang Asli, memberi kuasa yang besar kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar yang bukan berketurunan Orang Asli untuk melindungi, mengawal, dan membuat keputusan bagi isu-isu yang melibatkan kaum itu. Disebabkan itu, penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam sebarang keputusan yang melibatkan mereka. Peruntukan khas yang dibuat di bawah Perkara 153 Perlembagaan hanya memastikan "kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak" dan tidak membuat rujukan kepada Orang Asli. Kerajaan tidak melindungi hak sivil dan politik orang asli.

Orang Asli, yang berjumlah kira-kira 180,000 (0.86 peratus daripada penduduk), merupakan kumpulan yang termiskin di negara ini. Mengikut Rancangan Malaysia ke-10 yang merangkumi tahun 2011-15, 50 peratus daripada 29,990 isi rumah Orang Asli hidup di bawah garis kemiskinan. Daripada jumlah itu, kira-kira 5,700 isi rumah (19 peratus) telah dianggap menjadi sangat miskin. Pada tahun 2010, sebuah pertubuhan NGO tempatan yang memberi tumpuan kepada hak-hak Orang Asli menganggarkan bahawa jumlah yang dilaporkan mengenai penduduk yang tinggal dalam kemiskinan adalah kurang kerana ia hanya mengambil kira Orang Asli yang tinggal di kampung-kampung yang ditetapkan - bukan mereka yang tinggal di dalam hutan hujan. Sebuah majlis penasihat negara yang ditaja oleh kerajaan wujud untuk memantau pembangunan Orang Asli; lima daripada 17 ahli majlis itu adalah Orang Asli, dan pertubuhan NGO tempatan melaporkan bahawa majlis itu tidak berjumpa pada tahun itu. Seorang Orang Asli memegang jawatan pengurusan kanan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kerajaan. Ketua Pengarah bahagian pembangunan sosioekonomi JAKOA menyatakan bahawa 24 peratus pekerja JAKOA adalah Orang Asli. JAKOA melaporkan bahawa kadar keciciran sekolah rendah dalam kalangan anak-anak orang asli menunjukkan penurunan daripada 30 peratus kepada 20 peratus sejak tahun 2008. Selain itu, jumlah pelajar yang keciciran sekolah rendah dan menengah telah menurun daripada 50 peratus kepada 30 peratus dalam tempoh masa yang sama. Namun, seorang penyokong kepentingan Orang Asli berkata, statistik ini tidak mengambil kira kanak-kanak Orang Asli yang tidak pernah ke sekolah langsung. Kira-kira 300 pelajar Orang Asli menghadiri universiti.

Di bawah Akta Orang Asli, Orang Asli dibenarkan untuk hidup di atas tanah yang ditetapkan bukan sebagai pemilik tetapi sebagai penyewa wenang, dan mereka tidak mempunyai hak tanah. Undang-undang membenarkan kerajaan untuk merampas tanah orang asli dengan membayar pampasan. Pemerhati melaporkan bahawa jumlah keluasan tanah rizab Orang Asli semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Malah, sebahagian tanah yang sebelumnya diwartakan sebagai rizab Orang Asli kini telah dizonkan semula bagi tujuan pembangunan. Meskipun Orang Asli diberi kuasa untuk menduduki tanah ini, hak-hak ini sering tidak didokumentasikan. Perkara ini menyebabkan konfrontasi antara Orang Asli dan syarikat pembalakan. Ketika kerajaan meneruskan pembangunan di kawasan-kawasan ini, Orang

Asli berjuang untuk hak mereka ke atas tanah. Pada tahun 2008, kerajaan mengumumkan akan memberikan hak pemilikan 125,000 hektar tanah luar bandar yang dimiliki kerajaan negeri kepada 20,000 keluarga Orang Asli. Pada tahun 2009 kerajaan memulakan dasar baru terhadap Orang Asli yang direka untuk mengeluarkan mereka daripada kemiskinan dengan memberi dua hingga enam ekar kepada setiap kira-kira 30,000 keluarga Orang Asli untuk mereka mengusahakan dan bercucuk tanam di atas tanah mereka sendiri. Pertubuhan NGO seperti Center for Orang Asli Concerns meluahkan tentangan terhadap rancangan itu, dengan menyatakan bahawa Orang Asli akan mengalami lebih banyak kerugian daripada keuntungan di bawah program seperti ini. Walaupun JAKOA boleh bertindak sebagai pengantara dalam melaksanakan dasar ini, penentuan muktamad bagi pampasan untuk tanah adalah perkara di bawah kerajaan negeri.

Pada 16 Ogos, JAKOA mengumumkan bahawa ia telah memuktamadkan perbincangan dengan semua kerajaan negeri berkenaan dengan dasar pemberian geran tanah kepada Orang Asli. Pada 24 Ogos, Presiden Majlis Peguam Malaysia, Lim Chee Wee, yang mewakili ramai Orang Asli dalam tuntutan beberapa terhadap pemaju dan agensi kerajaan negeri, berkata Orang Asli itu tidak mengalu-alukan pengumuman itu kerana ia menunjukkan keengganan kerajaan untuk berunding masyarakat Orang Asli sebelum menggubal dasar. Pada 25 Ogos, Pengerusi SUHAKAM Hasmy Agam berkata bahawa SUHAKAM kecewa yang kerajaan meneruskan pindaan tanpa menunggu selesainya siasatan nasional kerajaan terhadap Hak Tanah Orang Asli, yang dibuat pada 17 September hingga 1 Oktober, dan sehingga "semua usaha telah dibuat untuk mendapatkan persetujuan yang bebas, terdahulu dan maklum daripada semua pihak yang berkepentingan, terutama Orang Asli yang terlibat."

Ketidakpastian hak pemilikan tanah Orang Asli menyebabkan mereka mudah dieksploitasi. Syarikat pembalakan terus mencero bohi tanah warisan kepunyaan Orang Asli dan kumpulan peribumi lain di Borneo. Penduduk peribumi Sabah dan Sarawak terus membantah pencerobohan oleh kerajaan negeri, dan syarikat pembalakan dan perladangan swasta di kawasan tanah yang mereka anggap adalah milik mereka mengikut hak adat bangsa asal.

Undang-undang yang membenarkan perampasan dan pembelian tanah hanya memerlukan notis pemberitahuan disiarkan di akhbar, di mana akses ini mungkin tidak diperoleh oleh kaum peribumi. Pada tahun-tahun sebelumnya, keadaan sedemikian telah mengakibatkan kaum peribumi kehilangan hak terhadap tanah pusaka mereka tanpa berpeluang untuk mengambil tindakan undang-undang. Pada beberapa tahun kebelakangan ini, keputusan mahkamah mengiktiraf hak milik adat orang asli di tanah menyebabkan perlindungan yang lebih besar terhadap hak-hak tanah Orang Asli. Namun keputusan itu menyebabkan pampasan kepada plaintif, bukan pengembalian tanah yang dirampas. Pada tahun 2007 Mahkamah Persekutuan, mahkamah tertinggi negara, mendapati bahawa hak milik adat Orang Asli diiktiraf dalam common law.

Petisyen 2007 yang difailkan oleh Semalai, satu kumpulan Orang Asli, kepada mahkamah tinggi untuk mengkaji semula arahan pengusiran kerajaan Negeri Pahang dari kawasan yang didakwa Semalai sebagai tanah tradisi mereka masih tertunggak, dengan perbicaraan dijadualkan pada Mac 2012. Pada tahun 2007, suatu tuntutan mahkamah telah difailkan terhadap pihak berkuasa yang didakwa merobohkan gereja Orang Asli di Gua Musang. Pada tahun 2009 mahkamah tinggi mengisytiharkan

bahawa perobohan itu tidak sah kerana ia telah dilakukan sebelum tamat tempoh notis 30 hari yang diberikan kepada Orang Asli seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, bahawa Orang Asli mempunyai hak untuk menduduki tanah dan mengamalkan agama pilihan mereka di bawah perlembagaan. Tetapi, mahkamah memutuskan juga bahawa bangunan itu tidak sah kerana ia tidak mematuhi peraturan bangunan dan bahawa tanah itu sendiri adalah milik kerajaan. Kerajaan merayu keputusan tersebut, dan kes itu masih tertunggak pada akhir tahun itu.

Kaum Penan yang merupakan masyarakat peribumi di Sarawak menggunakan hak adat bangsa asal untuk mewujudkan pemilikan dan pengawasan tanah. Setiap kumpulan kaum Penan mengekalkan kawasan sendiri ditugaskan mencari makanan, yang diturunkan dari satu generasi ke generasi. Tanah adat bangsa asal tidak sentiasa ditentukan dengan jelas. Kumpulan hak peribumi mendakwa bahawa Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, telah memajakkan tanah adat kaum Penan dan kaum peribumi yang lain kepada syarikat pembalakan dan pemaju tanah sebagai pertukaran untuk bantuan wang dan politik. Pemerhati tempatan menyatakan bahawa syarikat pembalakan ini mengganggu dan kadangkala mengugut pemimpin kaum Penan dan aktivis hak tanah. Persatuan Penan Sarawak terus mendesak kerajaan negeri agar menggariskan sempadan tanah adat asal kaum Penan, menarik lesen pembalakan yang dibuat di tanah mereka, menghentikan pemberian pajakan sementara bagi perladangan, dan menghentikan semua kegiatan pembalakan dan pembangunan ladang di tanah mereka. Kaum Penan merupakan antara golongan termiskin di negara ini dan hidup di bawah garis kemiskinan.

Pada bulan Januari Persatuan Wanita untuk Wanita Sarawak mengemukakan satu cadangan kepada kerajaan negeri dan persekutuan yang syarikat pembalakan hanya perlu dianugerahkan kontrak jika mereka mematuhi syarat-syarat untuk melindungi gadis dan wanita Penan daripada penganiayaan seksual. Cadangan itu berpunca daripada dakwaan yang dibuat pada tahun 2009 oleh sebuah NGO antarabangsa yang melaporkan bahawa pekerja daripada dua buah syarikat pembalakan, termasuk yang dimiliki oleh keluarga Ketua Menteri, kerap menganiaya secara seksual wanita dan gadis Penan, mengakibatkan beberapa orang daripada mereka mengandung. Pada tahun 2009, Menteri Shahrizat mengesahkan bahawa gadis Penan telah diperkosa dan dicabul oleh pekerja syarikat balak. Menteri tersebut mengumumkan bahawa syarikat pembalakan itu telah dikenal pasti dan polis akan mengambil tindakan lebih lanjut. Selepas itu, Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak Hamza Taib menyatakan tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap tiga kes, manakala kes keempat masih belum selesai. Pada bulan Julai 2010 Menteri Shahrizat melawat masyarakat Penan dan menggesa pihak polis untuk mengambil perhatian serius kes-kes ini. Pada bulan Ogos 2010, syarikat pembalakan Samling mengancam untuk menghentikan buat sementara perkhidmatan pengangkutan bagi penduduk tempatan melainkan kaum Penan menarik balik dakwaan penganiayaan seksual dan rogol.

Pencabulan Sosial, Diskriminasi, dan Tindakan Kekerasan Atas Dasar Orientasi Seks dan Identiti Gender

Undang-undang terhadap liwat dan "persetubuhan di luar tabii" wujud tetapi jarang dikuatkuasakan. Namun, undang-undang ini adalah asas bagi kes terhadap ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim Parlimen (lihat seksyen 1.e.). Agama dan pantang larang budaya terhadap kelakuan seks

sesama jantina adalah meluas. Pada 18 April, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu telah mengumumkan bahawa ia telah menghantar 66 pelajar lelaki, yang disenaraikan oleh sekolah mereka sebagai pelajar yang menunjukkan sifat keperempunaan, ke kem di mana mereka menerima kaunseling berkelakuan maskulin untuk tidak menggalakkan mereka daripada menjadi gay dan membimbing mereka kembali "ke jalan kehidupan yang sebenar." Kumpulan Tindakan Bersama bagi Kesaksamaan Gender dan kumpulan lain mengutuk langkah itu dan menyifatkan menyasarkan budak-budak lelaki itu "sangat diskriminasi."

Diskriminasi dan Penganiayaan Masyarakat Yang Lain

Maklum balas kerajaan terhadap HIV/AIDS umumnya tidak bersifat diskriminasi, walaupun pengaiban terhadap penghidap AIDS adalah lazim.

Seksyen 7. Hak Pekerja

a. Kebebasan Persatuan dan Hak untuk Rundingan Kolektif

Undang-undang membenarkan kebebasan terhad persatuan dan bagi beberapa kategori pekerja untuk menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja, tertakluk kepada pelbagai sekatan undang-undang dan praktikal. Undang-undang memberikan peruntukan bagi hak untuk melakukan mogok dan rundingan bersama, tetapi kedua-duanya sangat terhad oleh peraturan-peraturan dan mengikut sektor.

Akta Kesatuan Sekerja (AKS) 1959 melarang mengganggu, menghalang, atau mengugut pekerja dalam menjalankan hak untuk menubuhkan kesatuan sekerja atau menyertai aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja yang sah di sisi undang-undang. Pegawai pertahanan atau polis, atau kakitangan sektor awam yang dikategorikan sebagai kakitangan "sulit, pengurusan, dan eksekutif," adalah dilarang daripada menyertai kesatuan sekerja. Selain itu, akta ini menghadkan persatuan yang mewakili pekerja dalam "tempat perniagaan, perdagangan, pekerjaan, atau industri tertentu atau di dalam perdagangan, pekerjaan, atau industri yang sama." Akta Perhubungan Perusahaan (IRA) melarang majikan daripada mengambil tindakan balas terhadap seorang pekerja yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang sah di sisi undang-undang kesatuan sekerja.

Penguatkuasaan kebebasan berpersatuan terletak terutamanya atas ketua pengarah kesatuan sekerja (KPKS). Sebagai contoh, KPKS dan dalam sesetengah kes menteri sumber manusia boleh menolak untuk mendaftarkan atau menarik balik pendaftaran beberapa kesatuan, tanpa pengawasan kehakiman. Apabila pendaftaran ditolak, ditarik balik atau dibatalkan, kesatuan sekerja dianggap sebagai pertubuhan haram. Mengikut undang-undang, majikan adalah dilarang daripada mengenakan syarat-syarat bagi keahlian kesatuan dan aktiviti dalam kontrak pekerjaan. Daripada segi teorinya, pekerja asing boleh menyertai kesatuan sekerja. Namun, Jabatan Imigresen menghalang pekerja asing daripada memegang jawatan dalam kesatuan sekerja.

API mewajibkan majikan memberi maklum balas terhadap permohonan kesatuan untuk mendapatkan pengiktirafan dalam tempoh 21 hari dari tarikh permohonan. Jika majikan tidak memberi maklum balas terhadap permohonan kesatuan dalam tempoh 21 hari, kesatuan perlu mengemukakan rayuan bertulis

kepada KPKS dalam tempoh 14 hari, yang kemudiannya akan memberitahu Menteri Sumber Manusia penemuan beliau. Jika kesatuan gagal mengemukakan rayuan dalam tempoh yang ditetapkan atau Menteri memutuskan yang pengiktirafan tidak diberikan, kesatuan tidak diiktiraf.

Walaupun kesatuan sekerja kebangsaan diharamkan dalam Malaysia, terdapat beberapa kesatuan persekutuan wilayah (tiga wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak). Kesatuan sekerja bebas untuk bersekutu dengan kesatuan persekutuan wilayah ini, yang mesti didaftarkan secara berasingan sebagai persatuan di bawah Akta Pertubuhan dan yang melaksanakan banyak tanggungjawab kesatuan buruh kebangsaan, walaupun mereka tidak boleh berunding bagi pihak kesatuan tempatan. Kerajaan, bagaimanapun, menghalang beberapa kesatuan sekerja, seperti mereka yang berada dalam sektor elektronik dan tekstil, daripada membentuk kesatuan persekutuan wilayah. Daripada membenarkan sebuah kesatuan persekutuan untuk semua Semenanjung Malaysia, sektor elektronik dihadkan untuk membentuk empat kesatuan persekutuan serantau, manakala sektor tekstil dihadkan kepada kesatuan persekutuan negeri, bagi negeri-negeri yang mempunyai industri tekstil. Kesatuan sekerja dibenarkan untuk bergabung dengan badan kesatuan sekerja antarabangsa yang tertakluk pada kelulusan daripada KSKS.

Terdapat dua pertubuhan buruh kebangsaan. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) adalah sebuah persatuan kesatuan sekerja dalam kedua-dua sektor swasta dan kerajaan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Oleh itu, MTUC tidak mempunyai kuasa perundingan kolektif atau hak tindakan perindustrian tetapi menyediakan sokongan teknikal untuk ahli-ahli gabungan. Pertubuhan kebangsaan yang lain ialah Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam dan Sivil (CUEPACS), iaitu persekutuan kesatuan sekerja kakitangan awam yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja.

Dakwaan diskriminasi terhadap pekerja yang terlibat dalam penganjuran kegiatan kesatuan boleh dikemukakan dengan Kementerian Sumber Manusia atau mahkamah perusahaan. API mengehadkan pampasan pekerja pada maksimum dua tahun dari tarikh pekerja tersebut diberhentikan kerja. Namun, peruntukan ini dan peruntukan yang lain menghalang pengurusan daripada mengambil tindakan lawan balas terhadap pekerja atas aktiviti kesatuan tidak dikuatkuasakan secara berkesan. Sebuah kumpulan buruh menyalahkan kelewatan bukan pada kekurangan sumber atau latihan (terdapat 27 mahkamah yang berkaitan di seluruh negara, kebanyakannya diketuai oleh kakitangan yang bertauliah daripada Jabatan Peguam Negara), tetapi pada kekurangan pemahaman kesan kelewatan ke atas kesemua pekerja yang terbabit dan kekurangan rasa keperluan bertindak segera.

Walaupun mogok sektor swasta adalah sah di sisi undang-undang, namun hak untuk mogok adalah sangat terhad. API mengandungi senarai "perkhidmatan penting" di mana kesatuan mesti memberi notis terlebih dahulu tentang apa-apa tindakan perindustrian, termasuk kewangan, pengangkutan, utiliti, komunikasi, pertahanan, keselamatan, dan sektor kerajaan, dan industri-industri lain yang ditetapkan oleh Menteri Sumber Manusia sebagai yang perlu kepada ekonomi. Senarai ini termasuk sektor-sektor yang biasanya tidak dianggap sebagai penting mengikut takrifan Pertubuhan Buruh Antarabangsa. API terus menafikan hak kesatuan dan individu untuk mengadakan mogok memprotes ketiadaan pengiktirafan kesatuan mereka.

Selain itu, proses untuk menjalankan mogok undang-undang adalah sukar dilaksanakan. Pegawai MTUC menyatakan bahawa keperluan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terlalu ketat sehingga hampir mustahil untuk mengadakan mogok. Menurut pegawai MTUC, tiada mogok pada tahun itu (dan tiada mogok besar sejak tahun 1962).

Pekerja sektor swasta dan, sedikit sebanyak, pekerja sektor awam, mempunyai hak untuk menganjur dan berunding secara kolektif, dan perundingan kolektif adalah meluas dalam sektor tersebut yang mana tenaga buruhnya tersusun. Dalam syarikat yang ditentukan sebagai mempunyai taraf perintis, kerajaan tidak membenarkan pekerja untuk bergabung dengan persekutuan kesatuan wilayah. Pada tahun 2010, kerajaan meluluskan penubuhan kesatuan sekerja dalam sektor elektronik, yang sebelum ini dikenali sebagai sektor "perintis" di mana rundingan secara kolektif adalah terhad. Kesatuan Sekerja Industri Elektronik (EIWU) (Wilayah Selatan) adalah satu contoh kesatuan sekerja elektronik yang telah diiktiraf di bawah dasar baru. Pada 27 Januari, kesatuan di ST Microelectronics mengundi untuk menyertai EIWU.

Proses perundingan secara kolektif adalah kompleks dan panjang. Bagi memulakan perundingan bersama, kesatuan sekerja mengemukakan satu cadangan untuk perjanjian kolektif kepada majikan dan menjemput majikan untuk memulakan perundingan kolektif. Majikan mempunyai 14 hari untuk menjawab; jika majikan menerima jemputan, perundingan kolektif mesti bermula dalam tempoh 30 hari. Jika majikan enggan untuk berunding atau gagal untuk memberikan jawapan, atau jika terdapat kebuntuan dalam rundingan, pertikaian perdagangan disifatkan wujud dan kesatuan boleh memberitahu KPKS, yang akan mengambil langkah-langkah perdamaian, termasuk apa sahaja langkah-langkah yang difikirkan perlu atau mustahak. Jika pihak-pihak masih tidak dapat bersetuju, Menteri Sumber Manusia boleh merujuk pertikaian itu ke Mahkamah Perusahaan untuk timbang tara yang mengikat. Mogok atau sekatan masuk kerja dilarang sama sekali semasa pertikaian sedang dibicarakan di mahkamah perusahaan.

ILO telah berkali-kali, termasuk pada tahun itu, meminta kerajaan untuk meminda API untuk menghapuskan sekatan ke atas skop subjek yang boleh dirunding secara kolektif. Undang-undang jelas menyatakan bahawa isu-isu pemindahan, kenaikan pangkat, pelantikan, pemecatan, dan pengembalian jawatan adalah prerogatif pengurusan dalaman. Oleh itu, isu ini dikecualikan daripada perundingan kolektif. ILO juga menggesa kerajaan untuk menghadkan jumlah kuasa budi bicara yang diperuntukkan kepada KPKS dan menteri, termasuk bila untuk menjadi perantara dalam rundingan.

Menteri biasanya akan memberikan pengiktirafan kesatuan sekerja jika sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pekerja dalam organisasi pertubuhan berkenaan adalah ahli. Jumlah minimum ini, bagaimanapun, sering kali sukar untuk dicapai kerana bilangan pekerja kontrak dan pekerja yang telah ditetapkan sebagai dalam tugas pengurusan atau pegawai dan mereka tidak layak untuk menjadi ahli kesatuan. Pegawai MTUC masih menyuarakan rasa kecewa mereka berkaitan kelewatan menyelesaikan pertikaian berkaitan pengiktirafan kesatuan. Daripada segi amalan, ia perkara biasa bagi permohonan itu ditolak dan kesatuan tidak diiktiraf selama satu hingga empat tahun.

Campur tangan kerajaan dalam kegiatan kesatuan adalah jarang. Namun, sesetengah kesatuan sekerja melaporkan bahawa kerajaan menahan atau menyekat pergerakan beberapa ahli kesatuan di bawah undang-undang yang membenarkan penahanan sementara tanpa penerima didakwa atas jenayah dan beberapa pekerja asing yang tidak dibayar atau dinafikan kerja biasa mereka kerana aktiviti kesatuan mereka. Sebagai contoh, pada bulan Mei MTUC membuat aduan bagi pihak lima warga India sebahagiannya kerana tidak dibayar gaji selama 7 hingga 10 bulan. Pejabat Buruh menyiasat kes itu dan pada 4 November, mendakwa majikan kerana pemerdagangan. Perbicaraan telah dijadualkan pada Januari 2012.

Banyak kontrak pekerjaan untuk pekerja asing mengandungi peruntukan yang melarang pekerja daripada menyertai kesatuan sekerja. Pertubuhan NGO melaporkan bahawa kadangkala, dalam ketiadaan struktur kesatuan formal, "pemimpin kumpulan" atau jurucakap tidak rasmi bagi kumpulan pekerja asing disasarkan oleh majikan mereka dengan layanan yang tidak adil, seperti menahan kerja. Presiden kesatuan pekerja elektronik yang baru dibentuk bagi Renesas Semiconductor telah diberhentikan pada bulan April berikutan kiriman di blog tentang tuntutan pengiktirafan kesatuan. Aktivist buruh mendakwa bahawa satu-satunya "jenayah" yang dilakukannya adalah bertanggungjawab menyatukan pekerja.

Undang-undang mempunyai kesan yang praktikal untuk menggalakkan majikan mengambil pekerja kontrak yang kemudiannya ditinggalkan tanpa dapat membentuk kesatuan kerana mereka secara teknikalnya bekerja dalam industri yang berbeza (dari segi penstafan) daripada bidang apa yang mereka sebenarnya bekerja (contohnya, bidang hospitaliti). Sebuah pertubuhan NGO melaporkan bahawa berikutan penglibatannya dengan Sime Darby, syarikat itu bersetuju untuk menggunakan mengambil terus pekerja sepenuh masa di sekurang-kurangnya dua ladang yang besar dan tidak menggunakan agensi pengambilan pekerja. Pemerhati juga menyatakan bahawa kerajaan, dengan mengklasifikasikan lebih ramai pekerja sebagai bekerja sendiri, meletakkan lebih had terhadap keupayaan mereka untuk berpersatuan.

Pada 21 September, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) menuduh Maybank, bank terbesar di negara ini, menyokong persatuan dalaman yang baru untuk mengelak tuntutan bonus. Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata bahawa walaupun 61 peratus pekerja Maybank dalam kategori perkeranian/bukan perkeranian adalah ahli NUBE, pekerja lain mengambil keputusan untuk menubuhkan Kesatuan Bukan Eksekutif Maybank (Mayneu), pada 3 Januari. NUBE meneruskan pertikaiannya, yang dimulakan pada tahun 2009, terhadap Maybank tentang bonus dan menuntut gaji 80 bulan untuk ahli-ahlinya.

Daripada segi amalan, kesatuan hanya boleh memberi perlindungan yang terhad untuk pekerja, terutamanya pekerja asing, dan ini mengurangkan insentif untuk menubuhkan kesatuan sekerja. Sesetengah pekerja asing melaporkan kepada pertubuhan NGO bahawa pekerja yang berjaya membuktikan hak-hak mereka telah dicabuli hanya mendapat semula gaji mereka yang tidak dibayar tetapi tiada bayaran kerugian, kos, atau kepentingan. Majikan tidak dikenakan penalti tambahan.

b. Larangan Terhadap Kerja Paksa atau Kerja Wajib

Perlembagaan melarang buruh paksa atau wajib. Mengikut undang-undang, lima agensi, termasuk Jabatan Buruh, mempunyai kuasa penguatkuasaan, tetapi standard prosedur operasi mereka tidak sentiasa menyebabkan pegawai yang proaktif mencari petanda buruh paksa. Pelbagai sumber melaporkan kejadian buruh paksa, dan syarat-syarat yang ada mewujudkan kelemahan pada buruh paksa dalam pertanian komersial, industri perikanan, kilang pembuatan komponen komputer, pembuatan pakaian, restoran, dan pembantu rumah.

Jenis utama buruh paksa termasuk ikatan hutang dan perhambaan khidmat pembantu rumah. Menurut aktivis buruh dan pertubuhan NGO hak asasi manusia, keadaan di beberapa ladang serta sesetengah kilang dan perniagaan lain mewujudkan kelemahan ikatan hutang. Wakil kesatuan sekerja menyifatkan pola tipikal yang melibatkan melantik ejen yang mengenakan bayaran yang tinggi yang kadangkala menjadikan pekerja asing terdedah kepada ikatan hutang. Disebabkan terhutang budi kepada majikan mereka serta tidak memiliki pasport, pekerja yang terlibat sering kali terpaksa menerima keadaan bekerja yang teruk, gaji yang lebih rendah daripada yang dijanjikan dan pengurangan upah, dan keadaan tempat tinggal yang teruk, dan diancam akan dipenjarakan atau diusir.

Kerajaan menghukum beberapa orang yang didakwa mengeksploitasi buruh paksa. Polis dan, sedikit sebanyak, Jabatan Imigresen dan Buruh memulakan sebanyak 45 siasatan penyeludupan buruh pada tahun ini. Pihak polis telah memulakan tiga pendakwaan bagi pemerdagangan buruh tetapi dilaporkan tiada sabitan. Pihak polis melaporkan bahawa dari bulan Januari hingga November, pegawai mengeluarkan 116 perintah perlindungan sementara kepada mereka yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan buruh dan 74 perintah perlindungan. Pada 30 September, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Mahmood Adam mengumumkan bahawa 136 orang, termasuk lapan rakyat Malaysia, telah diselamatkan dalam 53 kes pemerdagangan manusia - 19 yang melibatkan buruh paksa - antara bulan Januari dan Ogos.

Walaupun Akta Pasport Malaysia menjadikan ia satu kesalahan memiliki pasport orang lain "tanpa autoriti sah," NGO masih melaporkan bahawa ejen atau majikan dalam beberapa kes membuat kontrak yang memasukkan peruntukan bagi pekerja untuk membenarkan majikan atau ejen mereka memegang pasport mereka, manakala dalam kes lain, mereka hanya merampas pasport pekerja tanpa autoriti kontrak, seterusnya menjadikan pekerja lebih terdedah kepada buruh paksa. Amalan ini sebenarnya menjadikan sesetengah pekerja asing terperangkap dalam syarikat yang mengambil mereka bekerja.

Satu contoh berprofil tinggi buruh paksa melibatkan 31 pekerja asing Burma yang bekerja di sebuah kilang yang dikendalikan oleh anak syarikat firma elektronik Jepun Asahi Kosei (M) Sdn Bhd di Malaysia. Pekerja mendakwa bahawa mereka telah dibayar gaji yang lebih rendah daripada yang dijanjikan apabila mereka bersetuju untuk datang ke Malaysia; bahawa mereka dikenakan pelbagai potongan gaji yang tidak mengikut peraturan, kehilangan peralatan memasak, elektrik dan penginapan kerana membuat aduan; dan bahawa mereka diancam akan ditamatkan perkhidmatan dan dihantar pulang apabila mereka membuat aduan.

Apabila penulis blog hak asasi manusia Charles Hector mahu mendedahkan aduan pekerja, syarikat itu menyaman Hector kerana memfitnah, berdasarkan pada hujah bahawa tiada langsung hubungan kontrak yang wujud di antara pekerja dan syarikat. Sebagai pertukaran bagi syarikat menggugurkan saman fitnah, Hector menarik balik kenyataannya. Tiada laporan keputusan bagi pekerja asing yang terlibat.

Lihat juga Laporan Pemerdagangan Orang Jabatan Negara di www.state.gov/g/tip.

c. Larangan Terhadap Buruh Kanak-kanak dan Umur Minimum Pekerjaan

Undang-undang melarang pengambilan kanak-kanak di bawah umur 14 tahun sebagai pekerja, tetapi dalam keadaan yang tertentu, undang-undang memberikan kelonggaran seperti kerja ringan dalam perusahaan milik keluarga, pekerjaan dalam bidang hiburan awam, bekerja untuk kerajaan di sekolah atau di institusi latihan, atau bekerja sebagai perintis yang diluluskan. Dalam apa keadaan sekalipun, kanak-kanak tidak boleh bekerja melebihi enam jam sehari, melebihi enam hari seminggu atau pada waktu malam. Pegawai kerajaan tidak menafikan kewujudan buruh kanak-kanak dalam perniagaan milik keluarga, tetapi menegaskan bahawa pekerja asing telah banyak menggantikan buruh kanak-kanak dan peruntukan undang-undang bagi buruh kanak-kanak kini dikuatkuasakan dengan bersungguh-sungguh.

Pertubuhan NGO dan kesatuan sekerja melaporkan bahawa buruh kanak-kanak bukan satu masalah yang besar. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang melaporkan bahawa pada masa lalu, ramai rakyat Malaysia telah bekerja di ladang sebagai unit keluarga, dan kedua-dua kanak-kanak dan orang dewasa, terutamanya kaum India, mengalami buruh paksa. Namun pada tahun itu, majoriti pekerja ladang di Semenanjung Malaysia adalah pekerja asing yang tidak membawa keluarga mereka. Atas sebab ini kesatuan melaporkan kini sangat jarang untuk menemui kanak-kanak yang terlibat dalam kerja-kerja ladang di Semenanjung Malaysia. Buruh kanak-kanak di bandar kerap digunakan oleh keluarga untuk menjalankan perniagaan makanan, pasar malam, dan industri kecil-kecilan. Buruh kanak-kanak juga dapat dilihat dalam kalangan pekerja tempatan, terutama Indonesia dan Kemboja, disebabkan penipuan dokumen (umur yang tidak betul pada dokumen perjalanan dan kerja). Sebuah pertubuhan NGO melaporkan bahawa kanak-kanak tak bernegara di Sabah adalah lebih terdedah terhadap eksploitasi buruh yang dilaporkan dalam bentuk pengemis paksa dan terpaksa bekerja dalam industri perkhidmatan, termasuk restoran.

d. Keadaan Kerja Yang Boleh Diterima

Tidak ada peruntukan gaji minimum kebangsaan dikuatkuasakan. Kadar upah yang lazim di pasaran umumnya membolehkan rakyat di negara ini menikmati taraf hidup yang agak baik, tetapi keadaan ini tidak sebegitu bagi pekerja asing. Menurut hasil kaji selidik tahun 2010 yang dijalankan oleh Persekutuan Pengilang Malaysia, purata gaji asas bulanan pekerja asing yang terlibat dalam sektor pembuatan adalah RM750. Majlis Gaji, yang ditubuhkan melalui akta tahun 1947 untuk memberikan syor kadar upah minimum di sektor-sektor yang dianggap rendah kadar upahnya, tidak kuat mempengaruhi kadar upah di mana-mana sektor. Menurut pegawai MTUC, Majlis Gaji ini tidak bermesyuarat sejak tahun 1996, dan kadar upah yang mereka cadangkan sudah lama tidak boleh dipakai lagi.

Pada 30 Jun, Parlimen meluluskan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara, yang bertujuan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara, untuk mencadangkan gaji minimum dan meliputi pelbagai sektor, jenis pekerjaan, dan kawasan. Kedua-dua MTUC dan Persekutuan Majikan Malaysia menentang akta itu dan sependapat bahawa ia memberikan Menteri Sumber Manusia budi bicara yang terlalu luas dalam menyediakan, meminda atau membatalkan arahan gaji minimum. Majlis Gaji akan mempunyai sekurang-kurangnya lima orang ahli yang setiap satunya mewakili pekerja, majikan, penjawat awam, dan ahli lain yang tidak disebutkan. Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai budi bicara penuh untuk menentukan bila majlis itu boleh membuat cadangan dan sama ada menerima atau menolak cadangan mereka. Apabila kerajaan menerima dan melaksanakan arahan gaji minimum, ia boleh meminda atau membatalkan arahan itu pada bila-bila masa. Akta itu mengenakan denda RM10,000 bagi setiap pekerja sekiranya majikan gagal membayar gaji asas yang ditetapkan oleh majlis.

Di bawah Akta Pekerjaan, waktu kerja tidak boleh melebihi lapan jam sehari atau 48 jam dalam seminggu bagi setiap minggu kerja yang meliputi enam hari. Setiap minggu kerja mesti meliputi 24 jam waktu rehat. Akta ini juga menetapkan kadar kerja lebih masa dan cuti awam yang diwartakan, cuti tahunan, cuti sakit, dan cuti bersalin. Had kerja lebih masa berbeza mengikut sektor. Jabatan Buruh di Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan piawaian ini tetapi masalah kekurangan pegawai pemeriksa menghalang penguatkuasaan yang ketat.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) merangkumi semua sektor ekonomi kecuali sektor maritim dan angkatan bersenjata. Akta ini mewujudkan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang terdiri daripada pekerja, majikan dan wakil kerajaan bagi menetapkan dasar dan menyelaraskan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Majikan dikehendaki mengenal pasti risiko dan mengambil langkah berjaga-jaga, termasuk penyediaan latihan keselamatan kepada pekerja, dan memastikan syarikat yang mempunyai lebih daripada 40 pekerja menubuhkan jawatankuasa keselamatan bersama pihak pengurusan dan pekerja. Akta ini mewajibkan pekerja menggunakan peralatan keselamatan dan bekerjasama dengan majikan untuk memastikan bahawa persekitaran kerja adalah selamat dan sihat.

Majikan atau pekerja yang melanggar OSHA akan dikenakan denda yang berat atau penjara sehingga lima tahun. Namun begitu, MTUC mengadu bahawa ada majikan yang melanggar peraturan dengan sewenang-wenangnya. Tidak ada sebarang peruntukan berkanun atau undang-undang tertentu yang memberi hak kepada pekerja untuk menarik diri daripada bekerja di keadaan tempat kerja yang berbahaya tanpa disusuli tindakan buang kerja oleh pihak majikan.

Akta Pampasan Pekerja meliputi kedua-dua pekerja tempatan dan pekerja asing. Namun, akta ini tidak memberikan perlindungan kepada pembantu rumah warga asing. Menurut kerajaan, pembantu rumah warga asing dilindungi di bawah Akta Pekerjaan berkaitan gaji dan penamatan kontrak. Walaupun demikian, golongan pekerja ini terkecuali daripada peruntukan akta yang memastikan mereka menerima satu hari cuti dalam seminggu, lapan jam bekerja sehari, dan 48 jam bekerja seminggu. Perjanjian dua hala atau memorandum persefahaman (MOU) antara Malaysia dan beberapa negara yang menghantar pekerja memberikan peruntukan bagi masa rehat, pampasan, dan/atau syarat pekerjaan yang lain.

Mekanisme bagi pemantauan keadaan di tempat kerja tidak mencukupi. Agensi buruh swasta yang mementingkan keuntungan yang selalunya bersalah atas penganiayaan, selalunya tidak bertanggungjawab bagi penyelesaian kes penganiayaan. Perjanjian buruh dua hala dengan Indonesia tidak memberikan perlindungan yang cukup untuk pembantu rumah, namun, MOU baru dengan Indonesia yang ditandatangani pada bulan Mei menyeru untuk mewujudkan pasukan petugas bersama untuk memantau keadaan pekerja pembantu rumah Indonesia. MOU yang dipinda juga memberikan satu hari cuti dalam seminggu (atau pampasan) dan peraturan mengenai pembayaran balik bayaran pengambilan kerja. Pada bulan Disember kerajaan Indonesia menarik balik pengharaman terhadap penghantaran pembantu rumah ke Malaysia selepas gaji bulanan minimum telah dipersetujui RM700, meningkat daripada RM450. Kumpulan pekerja yang pertama di bawah perjanjian baru ini dijangka tiba pada bulan April 2012.

Seperti majikan lain, kontraktor buruh boleh didakwa kerana melanggar undang-undang. Namun, kerajaan menjalankan siasatan terhadap aduan penganiayaan, berusaha memaklumkan pekerja tentang hak mereka, menggalakkan pekerja untuk tampil ke depan dengan aduan mereka, dan memberi amaran kepada majikan untuk menghentikan penganiayaan.

Pekerja berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan yang menganiaya mereka. Menurut pertubuhan NGO, mahkamah umumnya berpihak kepada pekerja dan memutuskan bahawa pihak majikan mesti membayar semua gaji sebelumnya dan ganti rugi kepada plaintif bagi kecederaan, tetapi penangguhan yang lama dalam prosiding mahkamah dan hukuman sering menjadi penghalang bagi pekerja asing akses ke sistem pengadilan, terutamanya jika mereka pendatang haram.

Undang-undang membenarkan pekerja asing untuk membawa pertikaian pekerjaan ke Mahkamah Perusahaan. Walau bagaimanapun, dasar mahkamah adalah tidak mendengar aduan pendatang yang tidak mempunyai dokumen. Prosiding mahkamah memakan masa, yang juga boleh menghalang pekerja asing daripada mendapatkan keadilan melalui sistem mahkamah. Sebaik sahaja visa kerja mereka tamat, pendatang memerlukan "pas istimewa" untuk tinggal di negara ini - mereka akan dibenarkan untuk mengikuti kes mahkamah tetapi tidak akan dibenarkan untuk bekerja. Pas ini sah selama satu bulan dan berharga RM100 untuk diperbaharui. Pembaharuan ini tertakluk kepada budi bicara ketua pengarah imigresen.

Pekerja pendatang asing, baik yang sah atau tidak sah, biasanya bekerja dalam keadaan yang sukar, menjalankan kerja yang berbahaya, ditahan gaji oleh majikan, dan tidak mendapat bantuan guaman dalam kes-kes pencabulan kontrak dan penganiayaan. Sesetengah pekerja mendakwa bahawa majikan mereka menyediakan tempat tinggal yang tidak berperikemanusiaan, menahan gaji mereka, mengambil dokumen perjalanan mereka dan menganiaya mereka secara fizikal.

Pekerja ladang biasanya menerima upah mengikut hasil pengeluaran mereka atau upah harian. Di bawah perjanjian "jaringan keselamatan", pekerja terikat untuk bekerja selama 26 hari sebulan, melainkan jika tidak dapat bekerja disebabkan bencana alam seperti banjir atau hujan lebat, dan dibayar sekurang-kurangnya RM650. Terdapat tiga kategori utama pekerja ladang: umum, penuai (yang membentuk jumlah majoriti), dan penoreh. Kadar bonus atau lebih masa bergantung pada tahap

produktiviti. Sebagai contoh, penoreh yang membawa lebih daripada jumlah minimum 11 kilogram getah akan menerima pendapatan tambahan sehingga RM2,000 bagi penoreh paling produktif. Perjanjian tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian Malaysia dan Persatuan Perladangan dan adalah selaras dengan Akta Pekerjaan.

Ada kalanya, majikan gagal memenuhi syarat pekerjaan dan menganiayai pembantu rumah mereka. Sebagai contoh, terma kontrak untuk pembantu rumah Indonesia, yang membentuk kira-kira 90 peratus daripada jumlah pembantu rumah asing, selalunya tidak jelas dan terbuka kepada penyalahgunaan. Ketika jumlah pembantu rumah yang tiba dari Indonesia menurun kerana pengharaman tahun 2009, ketibaan dari Kemboja dan negara-negara lain meningkat. Dianggarkan 30,000 pembantu rumah warga Kemboja tiba dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, dan sesetengah mereka menghadapi keadaan yang serupa dengan keadaan yang telah membawa kepada pengharaman Indonesia. Pada bulan Julai seorang wanita muda pembantu rumah Kemboja telah ditemui mati dalam keadaan yang mencurigakan dan seorang yang lain telah diselamatkan oleh polis selepas dia mendakwa telah didera dan telah kepalanya dicukur oleh majikannya. Pada bulan Oktober kerajaan Kemboja mengharamkan syarikat pengambilan pekerjaan daripada menghantar pembantu rumah ke Malaysia berikutan banyak laporan penganiayaan. Pengharaman Kemboja kekal berkuat kuasa pada akhir tahun itu; pengharaman Indonesia telah ditarik balik pada bulan Disember.

Pada 1 November, Suruhanjaya Tinggi India mula melaksanakan garis panduan yang disemak semula bagi penggajian pekerja dari India yang termasuk struktur gaji minimum antara RM800 sebulan bagi pekerja tidak mahir (restoran, pembinaan) kepada RM1,400 setiap bulan bagi pembantu rumah mahir. Menurut Suruhanjaya Tinggi, pihak berkuasa India tidak memberikan kebenaran kepada pekerja untuk pergi ke Malaysia melainkan jika mereka dapat mengemukakan pematuhan kontrak pekerjaan yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Tinggi di Kuala Lumpur sebagai memenuhi garis panduan.

Pada 5 Jun, Isti Komariyah, pembantu rumah Indonesia yang berusia 26 tahun, meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital selepas didera secara fizikal oleh majikannya. Pada 16 Jun, mahkamah majistret di Kuala Lumpur mendakwa majikan Isti atas pembunuhannya, yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Pada bulan Januari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak rayuan Hau Yuan Tyng daripada sabitan kerana menyebabkan kecederaan parah kepada pembantu rumah Indonesia, Siti Hajar. Pada bulan Mei 2010 Hau telah didapati bersalah atas tiga pertuduhan, dia didakwa menyebabkan lecur kepada Siti Hajar dengan air panas yang menggelegak serta menyeksa dan menyebabkan Siti Hajar kebuluran. Dalam menolak rayuan Hau, hakim menambah tempoh penjara daripada lapan tahun kepada 11 tahun dan memerintahkan Hau untuk membayar RM5,000 pampasan kepada Siti Hajar.